

SULIT*

STPM 2011

940/1

SKEMA SEJARAH

KERTAS 1

940/1

TAMADUN DUNIA DAN TAMADUN ISLAM

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2011**



**ANJURAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
(CAWANGAN PERLIS)**

SEJARAH 1 940/1 PERCUBAAN PERLIS 2011

Bahagian A

Jawab dua soalan sahaja.

1. Huraikan sistem organisasi sosial tamadun Mesopotamia dan tamadun Mesir. [25]
2. Sejauh manakah kesedaran bangsa mendorong kepada kemunculan negara bangsa di Eropah. [25]
3. Bincangkan faktor-faktor teretusnya peperangan dalam tamadun awal manusia. [25]
4. Bandingkan kepentingan antara pelabuhan Venice di Eropah dengan pelabuhan Melaka di Alam Melayu. [25]
5. Jelaskan matlamat dan institusi pendidikan yang terdapat dalam tamadun Mesir. [25]
6. Huraikan konsep Humanisme dan Individualisme dan kesannya terhadap masyarakat di Eropah. [25]
7. Sejauh manakah faktor ekonomi menjadi pendorong kepada aktiviti penjelajahan dan penerokaan orang Portugis pada abad ke-15M. [25]
8. Jelaskan perbezaan antara kesenian China tradisional dengan kesenian Islam. [25]

Bahagian B

Jawab dua soalan sahaja.

9. Bincangkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat di Alam Melayu selepas kedatangan Islam. [25]
10. Huraikan aspek utama yang terkandung dalam Piagam Madinah dan nyatakan kepentingannya. [25]
11. Sejauh manakah ketokohan dan kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. menjadi faktor utama kejayaan tentera Islam dalam siri peperangan pada zamannya? [25]
12. Huraikan sumber-sumber dan peranan Baitulmal pada zaman Khalifah Umar al-Khattab. [25]
13. Huraikan perkembangan institusi pendidikan Islam di Aceh pada abad ke-17M. [25]
14. Bincangkan sumbangan Ibn Khaldun dalam perkembangan tamadun Islam. [25]
15. Bincangkan perkaitan antara peristiwa hijrah Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah dengan sejarah penjelajahan dan penerokaan umat Islam selepas kewafatan baginda. [25]
16. Bincangkan tujuan penghasilan seni dalam tamadun Islam dan sumbangannya kepada perkembangan kesenian dunia. [25]

940/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat. **SULIT***

S 1. Huraikan sistem organisasi sosial tamadun Mesopotamia dan tamadun Mesir.

1. Pengenalan (4m)

- 1.1. Salah satu ciri utama masyarakat bertamadun ialah kewujudan organisasi sosial.
- 1.2. Organisasi sosial merujuk kepada pembahagian anggota masyarakat kepada beberapa lapisan sosial yang mempunyai perbezaan dari segi kuasa, kekayaan, gaya hidup, pekerjaan dan sebagainya.
- 1.3. Tamadun Mesopotamia dan tamadun Mesir merupakan tamadun yang terawal. Tamadun Mesopotamia bermula di lembah Sungai Tigris dan Eupharates dan Tamadun Mesir bermula di lembah Sungai Nil.
- 1.4. Kewujudan organisasi sosial dapat dikesan sejak zaman neolitik lagi. Perkembangan pesat kegiatan pertanian menyebabkan berlakunya peningkatan pengeluaran hasil pertanian. Keadaan ini melahirkan pengkhususan kerja dan muncul pelbagai golongan dalam masyarakat. Kesannya muncul organisasi masyarakat yang kompleks dan saling bergantung di antara satu sama lain.

2. Isi-isi jawapan (20m)

2.1. Sistem organisasi sosial Tamadun Mesopotamia (10m)

a. Raja

- Raja mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam masyarakat Mesopotamia.
- Raja ialah wakil tuhan dan harus mentadbir dengan adil dan saksama.
- Institusi pemerintahan diraja dikatakan berasal daripada jawatan ensi (gabenor) dan lugal (raja) pada zaman dinasti awal. Ensi dan lugal mendakwa dirinya menerima mandat dan restu daripada tuhan. Mereka mengisytiharkan diri sebagai raja. Pemerintahan dan pentadbiran merupakan bidang kuasa raja.
- Raja bertugas memberi arahan dan khidmat nasihat kepada pembesar, melantik pembesar, dan menerima aduan daripada rakyat.
- Selain itu, raja menerima kunjungan diplomat-diplomat asing dan melantik pewaris takhta.
- Dalam aspek ketenteraan raja berperanan sebagai ketua tentera dan mengetuai operasi ketenteraan.
- Dalam aspek keagamaan, raja berperanan sebagai wakil tuhan, ketua pendeta dan menjalankan upacara ritual diraja, seperti takultu dan Bit-rimki. Hal-hal pembinaan rumah berhala dan pelantikan pendeta turut berada dalam bidang kuasa seorang raja.

b. Golongan bangsawan

- Golongan bangsawan menduduki tempat kedua tertinggi dalam susun lapis masyarakat Mesopotamia.
- mereka membantu raja dalam pentadbiran dan dikenali sebagai "marbanuti".
- Mereka mempunyai kuasa untuk menerima atau menolak calon pewaris takhta kerajaan yang diperkenalkan oleh raja.
- mereka tinggal di tanah sendiri atau estet besar milik raja, mempunyai ramai perkerja, dan mendapat kekayaan daripada harta rampasan perang dan cukai daripada rakyat. Pegawai kerajaan seperti panglima tentera, ketua pendeta, dan gabenor provinsi dilantik oleh raja daripada golongan bangsawan.

c. Golongan professional

- Dikenali sebagai Ummane yang merupakan semua rakyat bebas yang memiliki profesion tertentu.

- Antara rakyat yang termasuk dalam kategori ini ialah pemilik atau pengusaha bank, pedagang, doktor, jurutulis istana dan golongan artisan.
- Mereka mempunyai organisasi seperti persatuan untuk menjaga kebajikan pekerjaan mereka.
- Golongan profesional melatih perantis dan mewariskan pekerjaan ini kepada anak-anak mereka.
- Golongan ini berperanan penting dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi sesebuah kerajaan.

d. Rakyat rakyat biasa dan hamba.

- Berada pada kedudukan yang terakhir dan dikenali sebagai hupshi dalam masyarakat Mesopotamia.
- Hupsi ini terdiri daripada petani, askar, dan hamba.
- Hamba terdiri daripada mereka yang boleh dijual beli, tawanan perang dan orang yang berhutang.
- golongan hamba diberi layanan yang baik dan dibenarkan memiliki harta dan mempelajari kemahiran tertentu.
- Pada zaman Babylon, muncul kelas sosial yang dikenali sebagai Muhkenmum. Golongan ini terdiri daripada rakyat biasa yang miskin dan tidak menikmati sebarang keistimewaan.

2.2. Sistem organisasi sosial Tamadun Mesir (10m)

a. Golongan Atasan

- Firaun berada pada kedudukan tertinggi dan dianggap sebagai tuhan yang melindungi rakyat.
- Firaun berperanan sebagai ketua pendeta, ketua pentadbir dan ketua hakim negara.
- Firaun dianggap sebagai lambang keadilan (Ma'at) yang memelihara keamanan dalam negara.
- Menjelang zaman dinasti ke-3 dan ke-4, firaun dianggap sebagai tuhan Horus.
- Menjelang pemerintahan dinasti ke-5, Firaun dianggap anak tuhan matahari (Re), ekoran daripada ideologi baru yang dikemukakan oleh paderi-paderi dari Heliopolis. Perubahan ini mengurangkan status dan pengaruh raja sebagai anak Tuhan.
- Pada akhir Zaman Kerajaan Lama, Firaun dianggap tuhan Horus dan akan menjadi tuhan Osiris selepas meninggal dunia.
- Kerabat diraja juga merupakan golongan atasan. Putera-putera raja diberikan pendidikan sewaktu masih kanak-kanak. Setelah dewasa, putera-putera raja akan menerima latihan ketenteraan dan menyertai ekspedisi ketenteraan. Selain itu, putera raja akan berkahwin sewaktu masih kanak-kanak dengan adik kandung atau sepupu untuk mengekalkan kesucian keturunan.

b. Golongan Menengah Atas

- Susun lapis golongan menengah atas ialah golongan bangsawan.
- Mereka dilantik sebagai pegawai tinggi kerajaan di peringkat wilayah. Antara jawatan yang dipegang oleh golongan bangsawan ialah pengurus, pegawai penguasa, pendeta (paderi) dan pekerja.
- Raja dibantu oleh wazir dalam pentadbiran. Wazir juga dilantik dari kalangan golongan bangsawan, kerabat diraja dan pendeta. Wazir mengawasi pembinaan dan pembaikan terusan, merekodkan kejadian banjir, menyediakan bekalan buruh, dan memungut cukai. Beliau juga menyambut kedatangan duta dan menerima ufti dari negara asing.
- Golongan pendeta mempunyai hierarki sendiri. Golongan ini memainkan peranan dalam bidang keagamaan dan mempengaruhi bidang politik, khususnya dalam hal pelantikan raja.

c. Golongan Menengah Bawah

- Golongan menengah bawah pula terdiri daripada anggota tentera, pembantu raja, tukang-tukang mahir, artisan, dan petani. Anggota tentera merupakan golongan penting dalam struktur sosial masyarakat.
- Ramai rakyat biasa menyertai angkatan tentera bertujuan untuk meningkatkan status dan taraf hidup mereka.
- Golongan pembantu raja terdiri daripada pekerja-pekerja lombong emas, tembaga, pekerja-pekerja kuari, pekerja binaan, pembuat tembikar dan pengangkut air. Tugas utama mereka ialah membina candi-candi diraja. Gaji mereka dibayar dalam bentuk gandum dan barli. Mereka juga diberikan sayur-sayuran, ikan, kayu api, ubat-ubatan serta pakaian. Pada hari kebesaran, raja akan memberikan barang-barang mewah seperti garam, wain, dan bir untuk mereka. Golongan ini juga mempunyai rumah berhala sendiri serta tribunal untuk menyelesaikan masalah mereka. Anggota tribunal ini terdiri daripada penulis istana, mekanik, dan pekerja-pekerja serta isteri mereka. Tribunal akan menjatuhkan hukuman terhadap kes-kes yang kecil.
- Kedudukan petani di Mesir mengalami perubahan mengikut zaman, iaitu Zaman Kerajaan Lama, Zaman Kerajaan Pertengahan, dan Zaman Kerajaan Baru. Dalam Zaman Kerajaan Lama, golongan petani ditindas oleh tuan tanah. Penderitaan petani mencapai kemuncak dalam Zaman Kerajaan Pertengahan sehingga mencetuskan pemberontakan. Akibat pemberontakan tersebut, pemerintah-pemerintah dinasti ke-11 dan ke-12 mengurniakan piagam yang liberal kepada semua estet pertanian.
- Pada Zaman Kerajaan Baru, petani diberi kebebasan sepenuhnya dan dikurniakan tanah oleh raja. Tanah ini boleh diwarisi tetapi tidak boleh dipindah milik.

d. Golongan Bawahan

- Golongan bawahan pula terdiri daripada golongan hamba. Mereka memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi dan sosial. Selain itu, mereka tidak mempunyai kebebasan dan terdiri daripada tawanan perang.
- Mereka dipaksa bekerja sebagai buruh di ladang-ladang milik raja atau rumah berhala. Mereka yang mempunyai kemahiran dijadikan tukang jahit di istana dan di rumah golongan bangsawan.

3. Kesimpulan (1m)

- 3.1. Susunan organisasi sosial di kedua-dua tamadun mempunyai peringkat-peringkat tertentu.
- 3.2. Susunan sedemikian menggambarkan kemajuan tamadun tersebut.
- 3.3. Setiap peringkat mempunyai peranan sendiri dan penting dalam membentuk tamadun yang unggul.

S.2 Sejauh manakah kesedaran bangsa mendorong kepada kemunculan negara bangsa di Eropah.

1. Pengenalan (3m)

- 1.1 Menjelang tahun 1500 M beberapa buah negara bangsa telah wujud di Eropah akibat pemusatan kuasa oleh raja-raja yang kuat. Contohnya di England, Sepanyol dan Portugal.
- 1.2 Kemunculannya adalah sebagai tindak balas terhadap kuasa dan pengaruh golongan bangsawan dalam sistem feodal yang terlalu besar melebihi pengaruh golongan raja serta untuk membebaskan diri dari cengkaman golongan gereja dalam pemerintahan.
- 1.3 Dengan kewujudan negara bangsa bererti berakhirnya juga kuasa golongan bangsawan, autonomi tempatan dan keistimewaan-keistimewaan bersifat tempatan dan pengaruh gereja katolik Rom.
- 1.5 Negara bangsa merujuk kepada sebuah negara yang bebas daripada konsep empayar dan mempunyai pemerintahan sendiri, bahasa kebangsaan, tentera kebangsaan, sempadan wilayah dan hak untuk menggubal undang-undang sendiri.

2. Isi-isi jawapan - Faktor-faktor kemunculan negara bangsa (7 isi x 3m = 21m)

2.1 Kesedaran Bangsa

Pada penghujung abad ke 16 telah memperlihatkan pertumbuhan nasionalisme yang berasaskan kemunculan idea negara bangsa. Para nasionalis menggunakan unsur persamaan rumpun bangsa dan bahasa untuk membentuk negara masing-masing. Telah muncul kesedaran dalam kalangan penduduk Perancis untuk memikirkan mereka sebagai orang Perancis. Keadaan ini tidak wujud pada zaman pertengahan kerana pada masa itu mereka memberi kesetiaan mereka kepada tuan tanah tempatan atau golongan bangsawan. Rakyatnya tidak mempunyai sebarang persamaan dan tidak memikirkan mereka sebagai bangsa Perancis tetapi sebagai bangsa Norman, Briton dan Burgundians. Keadaan ini juga berlaku di negara-negara Eropah seperti Sepanyol, Hali dan Jerman. Kesedaran bangsa ini bermula pada akhir zaman pertengahan dan mendorong penyatuan dan pembentukan sebuah negara bangsa di Eropah.

2.2 Keruntuhan Sistem Feodal

Golongan bangsawan mempunyai pengaruh dalam sistem feodal. Lama-kelamaan pengaruh mereka merosot menyebabkan raja tidak lagi bergantung pada mereka. Kesedaran raja untuk menegakkan semula kuasanya telah menyebabkan raja menubuhkan pasukan tentera yang kuat dan berperang dengan golongan bangsawan. Raja pula boleh berhubung dengan rakyat. Perubahan ini telah menyebabkan rakyat mula memberi taat setia kepada raja dan tidak lagi kepada golongan bangsawan. Raja Henry VII di England telah menggubal undang-undang baru yang melarang golongan feodal memakai pakaian khas (livery) dan juga melarang penubuhan tentera sendiri, larangan memiliki lambang kuasa khas dan sebagainya. Hal ini telah memulakan proses penyatuan kawasan persekitaran yang biasanya di diami oleh kelompok masyarakat dari bangsa yang sama.

2.3 Bahasa Kebangsaan

Penciptaan mesin pencetak pada zaman Renaissance telah memesatkan lagi bidang penulisan di kalangan golongan cerdik pandai. Karya dicetak dalam bahasa kebangsaan dan berjaya menyatukan rakyat. Raja memberikan kebebasan bahasa dan mewujudkan bahasa kebangsaan bagi memperoleh sokongan kelas

menengah. Penggunaan bahasa kebangsaan telah melahirkan semangat kebangsaan yang kukuh dan mempercepatkan proses pembentukan negara bangsa.

2.4 Bermulanya Zaman Renaissance

Zaman ini berlaku ekoran pertembungan kebudayaan Yunani dengan tamadun Islam. Pertembungan ini menyebabkan orang Eropah mula mempersoalkan budaya lama mereka dan ingin sesuatu yang baru. Pembaharuan yang dibawa raja dalam bidang pentadbiran telah mendapat sokongan rakyat.

2.5 Kemunduran Tamadun Eropah

Kesedaran raja-raja dan masyarakat Eropah tentang kemunduran tamadun mereka berbanding dengan tamadun dan kegemilangan Islam wujud apabila mereka bertembung dengan tamadun Islam semasa Perang Salib. Hal ini menyebabkan bangsa Eropah mula bertekad untuk menghidupkan kembali zaman kegemilangan tamadun Yunani dan Rom. Pertembungan kebudayaan Arab dan Eropah telah melahirkan hasrat untuk membawa perubahan intelektual. Kesedaran ini telah membawa kepada tercetusnya hasrat untuk mewujudkan negara yang beridentitikan bangsa Eropah.

2.6 Sokongan Kelas Menengah dan Golongan Gereja

Raja telah memberikan kebebasan berbahasa dan mewujudkan bahasa kebangsaan di peringkat pusat kepada golongan menengah. Golongan ini berpuas hati. Raja juga memberi peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin gereja. Langkah yang diambil ini berjaya mengatasi persaingan golongan gereja di samping mendapat taat setia daripada golongan rakyat biasa dan golongan bangsawan.

2.7 Kedaulatan Parlimen

Rakyat dan golongan pertengahan boleh menentukan legitasi politik dengan menguasai parlimen dan menentukan polisi pemerintahan yang dijalankan oleh raja. Kemunculan negara bangsa menyebabkan golongan feodal dan agama telah kehilangan hak suci atau kuasa tradisi mereka.

2.8 Kemajuan dalam Ekonomi

Perkembangan yang berlaku dalam bidang pertanian, perdagangan dan perindustrian menyebabkan para pedagang dan penguasa memerlukan perlindungan daripada sebuah kerajaan yang berkuasa dan kuat. Golongan ini sanggup membayar cukai dan menyokong sesiapa sahaja yang boleh memenuhi kehendak mereka. Ada di kalangan raja yang berjaya mengumpulkan banyak wang melalui dasar percukaian. Hal ini membolehkan raja menggaji tentera dan pegawai perkhidmatan awan untuk memberi perlindungan kepada golongan peniaga dan pengusaha.

2.9 Pemberian Anugerah dan Gelaran

Walaupun pengaruh golongan bangsawan ini makin berkurangan tetapi raja masih berasa sangsi dengan golongan bangsawan. Untuk mendapatkan sokongan golongan bangsawan, raja telah memberi anugerah kepada golongan ini seperti Duke, Earl, Baron dan Count. Ini membolehkan raja mengukuhkan kuasa mereka sehingga melahirkan sebuah negara bangsa.

3 . Kesimpulan (1m)

Pembentukan negara bangsa di Eropah berlaku akibat perubahan dalam sistem ekonomi, politik dan

sosial yang membawa kepada suatu fikiran baru. Dengan penubuhan negara bangsa, tiap-tiap negeri mengandungi penduduk yang berteraskan satu bangsa, satu bahasa, satu kesusasteraan dan satu kesedaran kebangsaan di bawah pemerintahan raja yang berkuasa mutlak.

S 3. Bincangkan faktor-faktor tercetusnya peperangan dalam tamadun awal manusia.

1. Pengenalan (4 m)

- 1.1 Tamadun awal manusia dikatakan telah berkembang daripada penempatan awal zaman neolitik iaitu sejak tahun 3500 S.M. Sekitar tahun 3000 S.M. telah muncul kerajaan-kerajaan berwibawa di sepanjang Sungai Nil, Tigris, Indus, Sungai Kuning dan di timur laut Mediteranean di pantai Yunani, Anatolia dan Levant.
- 1.2 Peperangan bermaksud perkelahian atau pertempuran antara negeri dengan negeri dengan menggunakan senjata.
- 1.3. Peperangan yang berlaku melibatkan empat perkara asas iaitu strategi, taktik, teknologi dan logistik. Antara alat yang digunakan dalam peperangan ialah seperti pedang, kapak, lembing, panah dan sebagainya.
- 1.4. Peperangan mula tercetus dalam tamadun awal apabila berlaku perkembangan dan kemajuan dalam taraf hidup menyebabkan wujudnya konflik antara tamadun disebabkan beberapa faktor seperti menjaga kedaulatan negara, berebut kawasan pertanian, semangat assabiah dan sebagainya.

2. Isi-isi Jawapan – Faktor-faktor peperangan (5 isi x 4m = 20m)

2.1 Mempertahankan kedaulatan negara

- Peperangan dalam tamadun Mesopotamia adalah untuk menyelamatkan negara dari serangan orang gasar di sempadan.
- Pemerintah membina tembok pertahanan di sekeliling kota untuk mencegah pencerobohan luar.
- Adakala negara kota bersatu memerangi puak nomad yang sering menceroboh delta yang subur
- Hammurabi telah mendirikan kubu pada setiap kota yang dikawal oleh tentera.
- Shih Huang Ti telah membina Tembok Besar China bagi mengelakkan serangan orang gasar.
- Masyarakat India melatih golongan pahlawan sejak dari kecil bagi menguatkan pertahanan mereka untuk menghadapi kemungkinan serangan musuh. Kota-kota seperti Mohenjo-Daro dan Harppa dilengkapi dengan kubu pertahanan yang kukuh.

2.2 Mempertahankan kawasan pertanian

- Orang Mesir berperang untuk mempertahankan delta di Sungai Nil daripada serangan orang Gasar dari Libya dan Palestin.
- Peperangan juga berlaku di Mesopotamia kerana berebutkan bekalan air dari sungai yang menjadi punca kemajuan bidang pertanian.
- Di Arab, peperangan juga boleh berlaku kerana berebut kawasan oasis yang subur.

2.3 Mendapatkan keuntungan

- Raja-raja China berperang antara satu sama lain kerana beranggapan peperangan akan menguntungkan mereka dan kerajaannya. Kemenangan dalam peperangan akan menjadikan seseorang pemerintah itu berkuasa, menambahkan wilayah, dan kaya- raya.

- Mereka juga dapat menambahkan bilangan tentera dan tawanan perang

2.4 Menguatkuasakan pemerintahan maharaja

- Kerajaan Chou memiliki bala tentera yang ramai sehingga menjangkau ratusan ribu orang pada abad ke-3 M. Apabila sudah menyertai tentera mereka akan taat kepada maharaja dan sukar untuk kembali kepada kehidupan biasa.
- Dinasti Tang telah berjaya meluaskan wilayah ke sempadan sebelah utara disebabkan kebijaksanaan jeneral dan peranan komando yang memberi laporan di wilayah masing-masing.
- Shih Huang Ti telah mengarahkan tenteranya supaya merampas alat-alat senjata di setiap rumah agar tidak berlaku penentangan terhadap pemerintahan baginda. Selain itu, baginda juga telah membakar buku Confucius kerana bimbang rakyat akan bangkit menentang pemerintahan berpusat yang dijelankannya.

2.5 Semangat assabiah

- Peperangan dalam masyarakat Arab disebabkan oleh semangat kesukuan yang tinggi atau assabiah. Perkara remeh-temeh juga boleh menyebabkan peperangan seperti Perang Basus yang berterusan selama 40 tahun hanya kerana seekor unta.
- Oleh tu peperangan dalam tradisi Arab dianggap perkara biasa dan dipandang mulia. Kejayaan sesuatu kabilah akan menjadi kebangga dan dapat menaikkan imej mereka. Sebaliknya, kabilah yang kalah akan dihina dan imejnya akan terjejas dan tidak dihormati.

2.6 Meluaskan empayar dan wilayah

- Raja Philip II dan anaknya Iskandar Zulkarnain telah berprang untuk meluaskan empayar Yunani sehingga merentasi Asia Kecil, Mesir, Lembah Sungai Indus dan seluruh Parsi.
- Di Zaman keagungan Rom peperangan berlaku untuk meluaskan empayar sehingga empayar Rom merangkumi tiga benua iaitu Asia, Eropah, dan Afrika. Pemerintah yang bertanggungjawab meluaskan empayar Rom ialah Julius Caesar yang terkenal dengan kata-kata, 'Veni, Vedi, Vinci' yang bermaksud, "Saya datang, saya lihat, dan saya takluk."
- Di alam Melayu, peperangan juga berlaku untuk meluaskan wilayah. Contohnya kerajaan Melaka mempunyai wilayah yang luas sehingga meliputi seluruh semenanjung Tanah Melayu, serta sebahagian kerajaan di Sumatera seperti Aru, Siak, Rokan, Inderagiri, dan Jambi.

2.7 Mengukuhkan sistem feodal

- Pada zaman gelap, raja-raja cuba mengukuhkan sistem feodal dengan menguasai wilayah-wilayah yang terletak dibawah kekuasaan bangsawan.

3. Kesimpulan (1m)

- 3.1. Peperangan yang berlaku dalam tamadun awal manusia disebabkan berlakunya kemajuan dan peningkatan dalam taraf hidup menyebabkan wujudnya konflik demi menjaga hak dan kedaulatan kerajaan mereka. Namun begitu terdapat juga peperangan yang disebabkan untuk menjaga maruah serta untuk mendapat keuntungan kepada seseorang pemerintah.

- 3.2. Peperangan yang sering berlaku menyebabkan kerajaan dalam tamadun awal telah menambahkan kekuatan pertahanan masing-masing sama ada dengan menambahkan bilangan tentera meningkatkan teknologi ketenteraan serta memajukan taktik dan strategi perang. Dengan ini mereka dapat mengkalkan keamanan dan kedaulatan kerajaan mereka.

S 4. Bandingkan kepentingan antara Pelabuhan Venice di Eropah dengan Pelabuhan Melaka di Alam Melayu.

1. Pengenalan (3M)

- 1.1 Pada abad ke 11 M, berlaku pemulihan perdagangan di Eropah. Bandar-bandar di Itali seperti Venice, Genoa, dan Pisa telah menjadi bandar dan pelabuhan perdagangan yang utama di Laut Mediterranean. Venice yang terletak di laluan darat (utara Eropah) dan Laut Mediterranean, telah berkembang menjadi pelabuhan utama di Eropah.
- 1.2 Melaka dibuka oleh Parameswara pada tahun 1401. Kedudukan Melaka di Selat Melaka membolehkannya berperanan sebagai pusat perdagangan yang penting di Asia Tenggara.

2. Isi- isi Jawapan (20 M)

2.1 Kepentingan Pelabuhan Venice dan Melaka

a. Pusat persinggahan

i. Venice

- Terletak di Laut Mediterranean .Menjadikannya laluan perdagangan yang penting iaitu laluan kepada puak Genoa, dan orang Venetian. Ia menjadi pintu masuk ke Timur kerana melibatkan perdagangan dengan pedagang Timur Tengah.
- di Utara, terletak Genting Branner iaitu laluan utama di Banjaran Alps yang menghubungkan Hulu Danube dan Laut Utara. Kedudukan itu menyebabkannya terlindung dari serangan darat.

ii. Melaka

- Pelabuhan Melaka terletak di Selat Melaka yang menjadi laluan perdagangan antara Timur (China) dengan Barat (India dan Eropah)
- pertemuan angin Monsun Timur Laut dan Barat Daya menyebabkan pelabuhan ini menjadi tempat persinggahan pedagang-pedagang.
- Pulau Sumatera melindunginya daripada tiupan angin kencang dan laut yang dalam.

b. Pusat pengumpulan bahan mentah

i. Venice

- Menjadi pusat kemasukan dan pengumpulan bahan mentah dari Timur menerusi saudagar Islam Asia Tenggara .Bahan mentah tersebut adalah rempah, sutera, tembikar dan batu permata.
- Venice menjadi pusat pengumpulan bahan mentah dari Eropah iaitu kain, dari Yorkshire, England, dan lada dari Iskandariah.

- ii. Melaka
 - Terletak di kawasan yang kaya dengan bahan mentah.
 - Melaka berperanan sebagai pusat pengumpulan bahan mentah bagi emas, lada hitam dari Sumatera, emas dan bijih timah dari Tanah Melayu dan rempah dari kepulauan Maluku.

- c. Pelabuhan Entrepot.
 - i. Venice
 - menjadi tumpuan saudagar Islam dari Timur Tengah untuk menjual barang kepada saudagar Venice. Hasil tersebut dijual kepada orang Eropah Utara. Saudagar Venice juga membeli kain daripada Yorkshire dan menjual di utara Afrika.

 - ii. Melaka
 - Melaka menjadi tumpuan pedagang Asia Tenggara, China, India, dan Asia Barat untuk bertukar barang dagangan. Saudagar Arab membawa batu permata, dan wangian, saudagar China membawa teh dan sutera, saudagar India membawa kapas, dan saudagar Jawa membawa beras.

- d. Pentadbiran dan prasarana pelabuhan.
 - i. Venice
 - Venice merupakan bandar berdaulat melalui piagam Bandar. Pentadbiran bandar mempunyai kebebasan menentukan sistem matawang, menandatangani perjanjian, pembentukan pasukan tentera, dan menubuhkan kesatuan dagang.

 - ii. Melaka
 - Melaka terletak di bawah pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Penghulu Bendahari bertanggungjawab ke atas pentadbiran Melaka. Beliau dibantu oleh Syahbandar. Kemudahan yang disediakan adalah sistem cukai, gudang, rumah tumpangan dan sistem pertukaran.

- e. Perluasan Wilayah.
 - i. Venice
 - Di bawah Piagam Bandar, pentadbiran Venice telah berjaya mewujudkan pasukan tentera yang kuat. Tenteranya berjaya menyerang bandar Constantinople dan menguasai perdagangan dengan Iskandariah. Menerusi Perang Chioggia, (1378-1381 M) dengan Genoa. Venice telahpun berjaya melemahkan kedudukan pelabuhan tersebut.

 - ii. Melaka
 - Melaka berjaya meluaskan wilayah ke atas Tanah Melayu yang kaya dengan hasil hutan dan bijih timah serta Sumatera yang kaya dengan lada hitam. Perluasan tersebut membolehkan Melaka mendapatkan bekalan bahan mentah.

- f. Keamanan dan kestabilan politik.

- i. Venice
 - Venice merupakan bandar yang bebas menerusi penganugerahan Piagam Bandar. Penduduk bandar golongan pedagang mendapat kebebasan tanpa terikat dengan kawalan Lord Manor dan terselamat daripada pertelingkahan feudal. Venice juga telah berjaya membebaskan ancaman lanun di Laut Adriatic.

- ii. Melaka.
 - Perlindungan Negara China ke atas Melaka menyebabkan Melaka terselamat daripada ancaman Siam. Pada tahun 1456, Melaka berjaya mewujudkan hubungan persahabatan dengan Siam. Kestabilan politik menyebabkan Melaka berkembang sebagai pusat perdagangan. Kekuatan angkatan tentera laut Melaka telah berjaya melemahkan aktiviti lanun di Selat Melaka.

- g. Dasar perdagangan
 - i. Venice
 - Venice menguasai barang dagangan dari Timur menerusi perjanjian perdagangan dengan saudagar Islam di Asia Tengah. Saudagar Islam hanya menjual barang dagangan kepada saudagar Venice. Barangan tersebut dijual saudagar Venice kepada saudagar Eropah dengan harga yang sangat tinggi. Menerusi konsep perkongsian, saudagar Venice telahpun membentuk kesatuan perdagangan. Melalui kesatuan ini, dapat menyediakan kemudahan perdagangan untuk jarak yang jauh dan perbelanjaan pelayaran.

 - b. Melaka
 - Sistem perdagangan bebas menyebabkan pelabuhan Melaka terbuka kepada semua pedagang untuk bertukar barang. Cukai dikenakan sebanyak 3% kepada pedagang tempatan dan 6% kepada pedagang asing.

- h. Perkembangan ekonomi serantau.
 - i. Venice
 - pencetus kepada kewujudan pelabuhan-pelabuhan di Eropah

 - ii. Melaka
 - pusat perdagangan dan pelabuhan yang telah berkembang.

- i. Peranan sebagai pusat penyebaran agama serantau.
 - i. Venice
 - tidak berperanan sebagai pusat penyebaran agama Kristian

 - ii. Melaka
 - pusat penyebaran Islam

3. Kesimpulan(2M)

- 3.1 Penjelajahan dan penerokaan bangsa Eropah secara giat pada abad ke 16 dan 17 menyebabkan mereka mendapat bahan mentah secara terus dari Timur.
- 3.2 Ini akhirnya akan melebihi kedudukan Venice sebagai pelabuhan yang utama di Eropah.
- 3.3 Tetapi kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511 menyebabkan pelabuhan Melaka semakin merosot.

S5. Jelaskan matlamat dan institusi pendidikan yang terdapat dalam tamadun Mesir.

1. Pengenalan (3 m)

- 1.1. Pendidikan adalah bidang yang melibatkan pelbagai proses memberi dan memperolehi ilmu.
- 1.2. Tamadun Mesir merupakan antara tamadun awal melahirkan sistem pendidikan yang teratur.
- 1.3. Terdapat banyak institusi pendidikan di dalam tamadun Mesir yang berperanan melahirkan golongan cerdik pandai.
- 1.4. Institusi pendidikan merujuk kepada semua organisasi dan badan yang ditubuhkan untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan bidang memberi ilmu pengetahuan.
- 1.5. Di antara institusi pendidikan yang terdapat di dalam tamadun Mesir ialah seperti rumah guru, istana, kolej atau akademi, sekolah pertukangan dan pusat latihan professional.

2. Isi-isi jawapan (21m)

2.1 Matlamat Pendidikan Mesir (4 isi X 2m = 8m)

- a. Menekankan kemahiran membaca, menulis dan mengira
 - Matlamat pendidikan Mesir menekankan kemahiran membaca, menulis dan mengira.
 - Kemahiran membaca diperolehi melalui nyanyian lagu-lagu suci.
 - Kemahiran menulis ditekankan dimana pelajar akan menyalin teks-teks klasik dan rencana serta mereka membuat latihan di atas serpihan batu tembikar atau ostraca.
 - Mereka diajar teknik-teknik menghafal, mengingat lambang atau objek.
- b. Menekankan pendidikan untuk mendapat pekerjaan
 - Masyarakat Mesir memandang tinggi golongan yang berpendidikan untuk memenuhi peluang pekerjaan.
 - Seseorang yang berpendidikan dapat mencapai mobiliti sosial atau mendapat tempat dalam pentadbiran.
 - Seseorang pelajar yang mempunyai kebolehan menulis dapat menjadi jurutulis dan menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan.
- c. Melahirkan golongan professional
 - Pendidikan juga dapat menjamin melahirkan golongan professional dan tenaga kerja mahir.
 - Di antara golongan professional ialah seperti doktor, pendeta dan arkitek.
 - Golongan ini perlu mendapat latihan praktikal .Contohnya seseorang yang akan menjadi doktor perlu memahami pelbagai preskripsi, mantera dan diagnosis yang terkandung dalam “*medical*

papyri".

d. Matlamat Keagamaan

- Sekolah-sekolah khas diwujudkan untuk melahirkan golongan pendeta yang amat berpengaruh dalam masyarakat Mesir.
- Golongan pendeta menguasai bidang pendidikan kerana mereka dianggap mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan mempunyai kedudukan yang terbaik dan dihormati.

e. Memberi ilmu pendidikan dalam bidang yang formal dan kemahiran.

- Pendidikan juga bermatlamat untuk memberikan ilmu pengetahuan dalam bidang formal seperti matematik, geografi, undang-undang, sains, sastera, astronomi serta sejarah.
- Selain itu, sekolah-sekolah vokasional juga didirikan untuk memberikan kemahiran teknikal kepada pelajar seperti dalam bidang pertukangan, pengurusan dan pentadbiran.

2.2 Institusi pendidikan yang terdapat dalam tamadun Mesir (4 isi X 3m = 12m)

a. Rumah guru

- Pada peringkat awal, rumah guru memainkan peranan sebagai institusi pendidikan yang penting.
- Guru yang bertanggungjawab untuk menjalankan pendidikan dikenali sebagai '*scribe*'.
- '*Scribe*' tinggal di kawasan luar bandar dan mengajar anak-anak mereka dan saudara mereka.
- Pihak '*scribe*' menjadikan rumahnya sebagai tempat mendidik kanak-kanak.

b. Kolej atau Akademi

- Merupakan institusi peringkat tinggi yang didirikan khas kepada anak-anak raja dan golongan bangsawan.
- Kolej dan akademi ini diuruskan oleh rumah-rumah ibadat.
- Merupakan akademi pengajian tinggi yang lengkap dengan kemudahan seperti scriptoria dan perpustakaan.
- Antara kursus yang ditawarkan ialah dalam bidang pendidikan dan perubatan.
- Kolej ini juga menawarkan perkhidmatan kepada firaun seperti menetapkan tarikh perayaan, menyimpan rekod-rekod dinasti, menyusun kalendar dan menyelenggara inskripsi kerajaan.

c. Sekolah-sekolah khas

- Didirikan untuk anak-anak golongan bangsawan.
- Selain itu tukang-tukang mahir dan pegawai-pegawai kerajaan menghantar anak-anak mereka untuk menjadi '*apprentis*' iaitu pelatih.
- Dikhaskan kepada pelajar lelaki sahaja dan melatih dalam bidang pertukangan.

d. Istana

- Anak-anak firaun menerima pendidikan di istana raja.
- Tutor diraja adalah orang yang ditugaskan untuk mengajar anak-anak raja.
- Pada peringkat awal pendidikan tertumpu kepada aspek agama dan kebudayaan

e. Pusat latihan profesional

- Melatih golongan profesional seperti doktor, jurutulis, paderi dan arkitek.
- Untuk menjadi paderi, arkitek atau doktor seseorang perlu menjalani latihan secara teori dan praktikal

3. Kesimpulan (1m)

- 3.1. Perkembangan institusi pendidikan di Mesir telah melahirkan ramai sarjana yang berwibawa dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.
- 3.2. Perkembangan ini meletakkan asas bagi kemajuan dalam bidang intelektual seperti astronomi, matematik, dan falsafah.

S. 6 Huraikan konsep humanisme dan individualisme dan kesannya terhadap masyarakat di Eropah.

1. Pengenalan (3m)

- 1.1 Gerakan Renaissance dan Reformasi telah membawa kepada perubahan sikap masyarakat Eropah pada kurun ke-15 M dan ke-16 M.
- 1.2 Masyarakat Eropah mengalami perkembangan intelektual yang kemudiannya mendorong mereka ke arah peningkatan semangat inkuiri dan keyakinan diri.
- 1.3 Mereka menjadi lebih berani dalam menyoalkan kepercayaan dan cara pemikiran lama serta meminati karya-karya Yunani dan Rom.
- 1.4 Perubahan sikap masyarakat Eropah dan kebebasan pemikiran telah melahirkan fahaman humanisme dan individualisme.

2. Isi-isi jawapan (20m)

2.1 Fahaman Humanisme (4isi x 1m=4m)

- a. Humanisme bermaksud kajian ke atas manusia yang tertumpu pada kemakmuran dan aktiviti manusia di dunia.
- b. Humanisme menolak kehidupan manusia berasaskan takdir.
- c. Golongan berfahaman humanisme mementingkan kemajuan manusia dari segi intelek, mentaliti dan kelakuan manusia.
- d. Memberi penekanan kepada kemampuan manusia menyelesaikan sesuatu perkara yang dihadapi.
- e. Sistem pendidikan sekular mementingkan sains dan perkara praktikal untuk aktiviti bilik darjah.
- f. Penubuhan universiti yang mementingkan pendidikan sekular seperti bidang perundangan perubatan dan sains.
- g. Tokoh Humanisme ialah Erasmus yang telah mengutarakan ideanya tentang soal humanisme dalam pendidikan dan perkembangan fizikal, mental, dan jiwa yang dibincangkan secara mendalam.

2.2 Fahaman Individualisme (4isi x 1m=4m)

- a. Fahaman ini tertumpu pada kedudukan seseorang individu.
- b. Pada zaman pertengahan awal, peranan individu ditentukan oleh kelahirannya dalam

kesatuan atau monarki yang membawa keterbatasan golongan bawahan dalam kegiatan ekonomi dan pertanian.

- c. Pada zaman kemuncak pertengahan, individu berhak untuk menentukan kehidupannya dengan usahanya sendiri.
- d. Setiap individu perlu memahami kebolehan dan mengetahui potensinya untuk maju dan tidak ada perkara yang dapat menghalangnya untuk menjadikan dirinya maju.
- e. Pada zaman Renaissance, keturunan seseorang tidak penting dan bergantung pada hasrat serta keinginan individu untuk maju.

2.2 Kesan fahaman Humanisme dan Individualisme terhadap masyarakat Eropah (4isi x 3m=12m)

a. Kesusasteraan

Fahaman humanisme telah mempengaruhi perkembangan sastera pada zaman kemuncak pertengahan. Contoh William Shakespeare pada zaman Permaisuri Elizabeth telah memperkenalkan manifestasi humanisme seperti personaliti manusia, perantaraan emosi, dan pengalaman hidup.

b. Lukisan

Lukisan rupa dan badan manusia menjadi tumpuan kerana pelukis dan pengukir percaya dengan anugerah tuhan yang paling menakjubkan. Contohnya Michenlanglo dengan lukisannya David yang menggambarkan kegagahan dan keberanian seorang lelaki.

c. Penghasilan seni

Perubahan dapat dilihat pada penghasilan seni oleh golongan pelukis dan pengukir, iaitu hasil mereka dihormati.

d. Ekonomi

Perkembangan ekonomi kapitalisme pada zaman ini menekankan aspek kebebasan, hak milik persendirian, pengumpulan modal dan keuntungan individu yang ingin mengumpulkan keuntungan melalui perniagaan di dalam dan di luar Eropah.

e. Penjelajahan dan penerokaan

Bermulanya penjelajahan dan penerokaan orang Eropah serta mendapat galakan daripada golongan pemerintah dengan menjanjikan kekayaan dan pangkat bagi mereka yang berjaya menemui kawasan baru. Contohnya Vasco de Gama, Columbus dan Mangellan telah dijadikan Viceroy dalam penjelajahan mereka.

3. Kesimpulan (2m)

- 3.1. Kebangkitan humanisme adalah lebih awal jika dibandingkan dengan fahaman lain.
- 3.2. Namun demikian fahaman-fahaman ini telah membawa satu perubahan dan perkembangan besar dalam sejarah Eropah dan dunia.
- 3.3. Kesan-kesannya masih kekal sehingga ke hari ini.

S 7. Sejauh manakah faktor ekonomi menjadi pendorong kepada aktiviti penjelajahan dan penerokaan orang Portugis pada abad ke-15M.

1. Pendahuluan (4 M)

- 1.1 . Konsep penjelajahan dan penerokaan.
- 1.2. Kuasa-kuasa Eropah yang melakukan penjelajahan dan pelayaran
- 1.3. Latar belakang kemunculan kuasa Portugis.

2. Isi–Isi Jawapan (5 x 4 M =20 m)

2.1. Faktor ekonomi memang faktor utama

a. Keperluan untuk Pasaran dan Bekalan Bahan Mentah

- Ini berlaku akibat perkembangan kapitalisme dan institusi perbankan.
- Hal ini telah menggalakkan pengumpulan modal, hak milik persendirian dan persaingan dalam perniagaan
- Perkembangan kapitalisme telah menyebabkan mereka mengamalkan dasar ekonomi merkantilisme.
- Dasar merkantilisme menekankan dasar pengumpulan kekayaan, menambah kuasa dan mendapat keuntungan melalui pelaburan di kawasan baru

b. Memerlukan Barangan dari Timur

- Mereka memerlukan barangan seperti rempah ratus, ubat-ubatan dan kapal .
- Pada abad ke-15M, pedagang Islam & Italy kuasai perdagangan dengan Timur dan dapat keuntungan yang besar
- Penguasaan Turki ke atas Constantinople pada 1453 M dan wilayah-wilayah di timur menyebabkan kota-kota Italy seperti Venice, Genoa dan Pisa kehilangan peranan sebagai pengkalan perdagangan utama.
- Mereka juga tidak dapat menerima bekalan barang-barang dari Timur dengan tetap .
- Ini mendorong kuasa Portugis mencari jalan laut ke Timur untuk mendapatkan barangan tersebut
- dengan kadar harga yang rendah dan memecahkan monopoli saudagar Islam

2.2. Terdapat juga faktor-faktor lain;

a. Faktor Geografi

- Negara Portugal terdedah kepada pengaruh kelautan .

- Kedudukan yang terdedah kepada Lautan Atlantik mendorong bangsa tersebut untuk melakukan pelayaran dan penerokaan .
- Ini menyebabkan mereka telah menemui jalan ke Timur.

b. Faktor Politik - Keadaan politik yg Stabil & Kepimpinan Raja-raja Portugal

- Kepimpinan raja-raja Portugal dari Dinasti Avis menggalakkan perdagangan dan perkapalan .
- Contoh ; Raja Manuel I dari Portugal telah menggalakkan Vasco da Gama mencari jalan laut untuk perdagangan antara Eropah dan Asia.

c. Faktor Pemerintah - Peranan Putera Henry (Henry the Navigator)

- Merupakan seorang sarjana, saintis dan bekas tentera salib .
- Mendirikan sekolah pelayaran di Sagres untuk melatih pelayar-pelayar yang berminat untuk sertai ekspedisi pelayaran .
- Pelayar-pelayar yang mendapat latihan di sekolah ini berjaya menakluki kepulauan Madeira .
- Kapten yang dihantar oleh Putera Henry terlibat dalam perdagangan hamba yang menguntungkan
- Menjelang 1460 M, Portugis berjaya kuasai rangkaian pelabuhan-pelabuhan dari Madeira ke Cape Verda.

d. Faktor agama - Galakan Paus

- Ekoran Perang Salib, Paus merestui usaha membanteras kekuasaan Islam dan penguasaan sepenuhnya Semenanjung Iberia.
- Kuasa Portugis juga menjelajah untuk menyebarkan agama Kristian di luar Eropah

e. Faktor Teknologi - Kemajuan dalam Teknologi Pelayaran

- Ini menggiatkan lagi penerokaan ke seberang laut
- Penemuan-penemuan baru seperti :
 - i . carta pelayaran (peta) tentang benua Eropah & Laut Mediterranean
 - ii. kompas magnetik digunakan untuk menentukan arah pelayaran
 - iii. astrolab untuk tentukan longitud
 - iv. reka bentuk kapal
- Dengan bantuan alat-alat ini serta kemampuan membina kapal yang kukuh untuk belayar di lautan luas, mereka berjaya terokai kawasan baru.

f. Faktor Luaran – Cerita-cerita Mengenai Dunia Luar

- Oleh peneroka-peneroka dan pengembara seperti Marco Polo, Odoric Perdanone dan Lidicivo Verthema .
- Catatan daripada tokoh-tokoh pelayaran telah melahirkan sifat ingin tahu untuk meneroka kawasan baru .
- Hal ini mendorong berlakunya pelayaran dan penerokaan Portugis

3. Kesimpulan (1m)

- 3.1. Portugal merupakan kuasa barat yang paling aktif dalam kegiatan penjajahan dan perdagangan di Timur

pada abad ke-16 M.

- 3.2. Kekayaan dan kemakmuran yang diperoleh Portugis melalui perdagangan dengan Timur menyebabkan kuasa-kuasa Barat lain seperti Sepanyol, Belanda, Perancis dan Inggeris menghantar angkatan mereka ke Timur untuk meluaskan tanah jajahaan di Timur.

S 8. Jelaskan perbezaan antara kesenian China tradisional dengan kesenian Islam.

1. Pendahuluan (3m)

- 1.1 Kesenian berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud kemahiran, cara atau kaedah.
- 1.2 Kesenian meliputi satu bidang yang sangat luas seperti seni muzik, teater, kesusasteraan, drama, seni bina, seni ukir, dan lain-lain. Kesenian boleh dibahagikan kepada seni halus dan seni gunaan. Kesenian China tradisional telah bermula sejak awal abad ke 12 SM. Kesenian Islam telah bermula sejak zaman rasulullah SAW lagi.
- 1.3 Dalam Islam, hubungan agama dan seni adalah rapat, dan Islam memberi petunjuk agar kesenian yang dibentuk adalah menurut syariat Islam. Antara kesenian China tradisional dengan kesenian Islam terdapat perbezaan yang nyata dari segi konsep dan amalan.

2. Isi-isi Jawapan (20m)

2.1 Objektif.

- a. Kesenian China tradisional mempunyai objektif untuk memahami dunia semulajadi dan mencapai keharmonian dengan syurga. Kesenian ini lebih menekankan unsur Taoisme dan metafizikal.
- b. Kesenian Islam merupakan satu kaedah pengagungan terhadap ciptaan Allah. Hadis Nabi SAW "Allah Maha indah .Dia suka kepada keindahan". Seni Islam mesti berpaksikan niat untuk mendapatkan redha Illahi. Ianya bebas dari nilai negatif, menentang ketidakadilan, berakhlak baik dan berdasarkan Al Quran dan hadis.

2.2 Mempunyai kaitan dengan agama

- a. Kesenian China tradisional bertujuan mencapai keharmonian dengan syurga. Ianya menekankan konsep kegunaan dan pengorbanan. Banyak hasil seni berkait dengan pengorbanan kepada tuhan.
- b. Kesenian Islam menekankan konsep memperkukuhkan semangat tauhid kepada Allah SWT. Kesenian Islam hendaklah bersumberkan wahyu dan hadis.

2.3 Moral

- a. Kesenian China tradisional berkaitan moral dan etika. Seni adalah satu saluran untuk menggambarkan sesuatu objek dengan aliran perasaan manusia. Ianya banyak bertemakan cara berhadapan dengan golongan sarjana terutama dalam upacara pelantikan mereka sebagai pegawai kerajaan, upacara perpisahan dan pertemuan semula.
- b. Kesenian Islam bukan untuk melahirkan sifat riak, takbur, menaikkan nafsu dll. Contohnya seni bina yang memisahkan ruang antara lelaki dan wanita. Seni Islam bercirikan keamanan, ketenangan serta luahan perasaan dan tidak ada pertentangan antara soal dunia dan akhirat.

2.4 Simbol dan reka bentuk

- a. Kesenian China tradisional berunsur simbolisme, menggambarkan aspek peperangan, kekerasan dan kematian. Simbolik ditonjolkan oleh bahan-bahan seperti buluh yang melambangkan semangat dan jiwa sarjana, jed melambangkan unsur ketulenan abadi, burung jenjang melambangkan umur panjang dan naga melambangkan kewibawaan maharaja.
- b. Kesenian Islam melambangkan kegemilangan tamadun Islam seperti pada zaman nabi SAW, sahabat, Bani Umayyiah, Abasiyyah, Turki Uthmaniyyah, dll. Ianya adalah lambang keagungan Maha Pencipta seperti ukiran geometri, seni khat, bentuk hiasan semulajadi dan tidak bernyawa (daun pokok), tidak terlalu abstrak, dan tidak sukar untuk difahami.

2.5 Status.

- a. Kesenian China Tradisional melambangkan perbezaan kelas bangsawan. Istana dan maharaja, tuan rumah, saudagar, dan sarjana. Contohnya semasa Dinasti Chou, bidang kesenian berkait rapat dengan istana feudal dan maharaja. Semasa Dinasti Han pula, bidang kesenian berkembang di bawah naungan kelas tuan tanah, saudagar, dan sarjana. Confucion dalam bidang kaligrafi, puisi, lukisan dan muzik.
- b. Kesenian Islam menggambarkan keagungan tamadun Islam. Reka bentuknya dihiasi dengan corak yang tidak bertentangan dengan akidah dan akhlak umat Islam.

3. Kesimpulan (2m)

- 3.1 Kesenian China tradisional dan kesenian Islam memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan bidang seni.
- 3.2 Kedua-dua kesenian China tradisional dan Islam banyak mempengaruhi perkembangan tamadun manusia hingga kini meskipun berbeza dari segi konsep, tujuan, dan hasil seni.

S 9. Bincangkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat di Alam Melayu selepas kedatangan Islam.

1. Pengenalan (4m)

- 1.1 Sebelum kedatangan Islam masyarakat di Alam Melayu dipengaruhi oleh kepercayaan animisme dan agama Hindu-Buddha.
- 1.2 Islam telah tersebar di Alam Melayu sejak abad pertama Hijrah. Menurut catatan China telah wujud perkampungan Islam di Sumatera Utara yang dikenali sebagai Ta-Shih pada abad ke-7 M.
- 1.3 Terdapat beberapa pandangan daripada sejarawan tentang kedatangan Islam ke Alam Melayu. Pendapat ini dapat dirumuskan kepada tiga kumpulan iaitu teori kedatangan Islam dari India, dari China, dan dari Arab.
- 1.4 Kedatangan Islam telah menyebabkan berlakunya banyak perubahan dalam masyarakat di Alam Melayu sama ada dalam bidang politik, sosial, ekonomi dan budaya.

2. Isi-isi jawapan – (7 isi x 3m = 21m)

2.1 Akidah dan kepercayaan

- Sebelum kedatangan Islam, masyarakat di Alam Melayu menganut agama Hindu-Buddha serta mengamalkan kepercayaan animisme.
- Islam telah membawa agama tauhid dengan percaya kepada keesaan Allah berasaskan kepada dua rukun iaitu Rukun Iman dan Rukun Islam.
- Islam telah menghapuskan segala kepercayaan karut dan amalan syirik yang bertentangan dengan syariat Islam.

2.2 Sosial

- Islam telah membawa semangat persaudaraan melalui ukhwah Islamiyah serta prinsip persamaan taraf. Menurut ajaran Islam semua manusia itu sama kecuali orang yang bertakwa yang lebih mulia di sisi Allah. Keadaan ini berbeza dengan amalan ajaran Hindu yang membezakan taraf manusia melalui kasta.
- Kepercayaan kepada Tuhan yang esa telah menjadikan masyarakat lebih rasional daripada kehidupan khayalan melalui tahyul dan dongengan. Kedatangan Islam telah mengubah masyarakat

daripada kegelapan yang penuh tahyul dan dongengan kepada kehidupan alam yang lebih nyata dan realistik.

2.3 Politik

- Islam telah memperkenalkan istem kesultanan di rantau ini yang berbeza dengan sistem pemerintahan beraja ala Hindu-Buddha. Konsep Dewaraja kerajaan Hindu-Buddha telah diganti dengan konsep bahawa sultan adalah bayangan Allah di muka bumi ini.
- Jawatan mufti dan kadhi telah diwujudkan untuk menasihati sultan tentang hal ehwal agama Islam sebagai menggantikan tugas sami yang menasihati raja semasa zaman Hindu-Buddha.
- Tertubuhnya kerajaan Melayu-Islam sebagai hasil dakwah oleh para mubaligh Islam. Kerajaan Melayu-Islam yang pertama dipercayai wujud di Alam Melayu ialah kerajaan Ta-Shih di Sumatera Utara. Selepas itu telah muncul beberapa kerajaan Melayu-Islam seperti Perlak, Samudera-Pasai, Champa, Melaka dan Aceh.
- Islam menjadi tenaga penggerak untuk membangkitkan kesedaran menentang penjajah Barat.

2.4 Perundangan

- Undang-undang di Alam Melayu terbahagi kepada dua iaitu undang-undang tidak bertulis dan undang-undang bertulis. Undang-undang tidak bertulis dikenali sebagai adat. Ekoran daripada sistem kelas dan perbezaan antara darjat maka terbentuklah Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Melalui undang-undang tersebut semakin tinggi taraf seseorang maka semakin luaslah bidang kuasa dan pengaruh. Sebaliknya, golongan bawahan terpaksa mengikuti peraturan yang dikenakan ke atas mereka.
- Sebelum kedatangan Islam orang Melayu berpegang pada perundangan yang dibentuk oleh tradisi Hindu-Buddha yang disesuaikan dengan adat resam tempatan. Aspek perundangan ini berpegang pada Hukum Kanun Manu yang secara jelas membezakan jenis hukuman berdasarkan kelas seseorang.
- Keadaan ini bercanggah dengan ajaran Islam yang menekankan konsep sama rata dan keadilan. Semua peraturan adat yang diamalkan bercanggah dengan ajaran Islam kerana sistem sosial Islam bukanlah berdasarkan keturunan dan kedudukan tetapi kerana ketakwaan dan amal soleh.
- Kedatangan Islam telah memperkembangkan undang-undang bertulis di Alam Melayu selaras dengan syariat Islam seperti Undang-Undang Laut Melaka, Hukum Kanun Melaka, Undang-Undang Pahang, Undang-Undang Kedah an Undang-Undang Perak.
- Undang-undang bertulis ini menjadikan perjalanan masyarakat menjadi tersusun kerana segala perlakuan, tanggungjawab, serta hukuman tentang kesalahan yang dilakukan telah ditentukan.

2.5 Pendidikan

- Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah mengubah corak pendidikan yang diamalkan dalam masyarakat. Sebelum kedatangan Islam, pendidikan formal hanya terbatas di kalangan bangsawan dan anak raja sahaja, manakala orang awam tidak berpeluang mendapat pendidikan formal. Oleh itu kebanyakan masyarakat pada zaman Hindu-Buddha buta huruf. Namun begitu selepas kedatangan Islam, pendidikan berkembang dalam kalangan rakyat jelata kerana menurut ajaran Islam, menuntut ilmu itu adalah wajib bagi setiap individu lelaki dan perempuan.
- Para ualamak telah membuka sekolah pondok dan dayah sebagai tempat untuk mengajar ilmu Islam. Selain itu beberapa institusi pendidikan formal Islam yang lain juga muncul seperti istana, surau, madrasah, pesantren dan rumah ulamak.

- Istana juga merupakan tempat tersimpannya kitab-kitab agama seperti kitab al-Dur al-Manzum, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah, dan Hikayat Amir Hamzah.
- Sistem pendidikan Islam ini telah melahirkan raja-raja di alam Melayu yang mencapai gelaran ulamak seperti Sultan Iskandar Muhammad Syah dan Sultan Mansur Syah di Melaka.
- Lahirnya ulamak tempatan seperti Hamzah Fansuri, Abdul Rauf Singkel.

2.6 Bahasa dan sistem tulisan

- Dalam proses pembelajaran al-Qura'an masyarakat di Alam Melayu telah mengubah suai huruf Arab untuk membolehkan ia diguna dalam bahasa Melayu. Maka lahirlah huruf jawi. Huruf jawi telah mengambil tempat tulisan Pulava Dewanagari yang digunakan pada zaman Hindu-Buddha.
- Kedatangan Islam telah menambahkan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Terdapat istilah dari bahasa Arab yang telah digunakan sebagai bahasa Melayu seperti "syukur", "nikmat", "alam" dan sebagainya. Perkembangan ini telah membolehkan bahasa Melayu menjadi bahasa lingua franca yang digunakan dalam kehidupan seharian, urusan perdagangan serta bahasa yang digunakan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan.

2.7 kesusasteraan

- Kedatangan Islam telah memperkembangkan kesusasteraan di Alam Melayu. Pada mulanya kesusasteraan Melayu bercorak sastera lisan iaitu ia berkembang dari satu generasi ke satu generasi melalui penceritaan secara lisan. Islam telah memperkembangkan sastera berbentuk tulisan sama ada puisi ataupun prosa.
- Banyak hasil karya Arab yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu antaranya ialah *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*.
- Selain itu cerita-cerita tentang Nabi Muhammad juga banyak ditulis dalam bahasa Melayu seperti *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Bulan Terbelah*.
- Selain bentuk prosa terdapat karya puisi contohnya Syair Perahu yang ditulis oleh Hamzah Fansuri.

2.8 Kesenian

- Sebelum kedatangan Islam, kesenian masyarakat di Alam Melayu adalah berorientasikan ajaran Hindu-Buddha. Ini terbukti dengan ukiran yang terdapat di candi-candi seperti di Angkor Wat, Barobodur dan di Lembah Bujang.
- Seni yang ketara mempunyai pengaruh Islam ialah seni bina masjid. Masjid mempunyai unsur seni seperti pada mihrab, telaga, pancur air, dan mimbar. Selain masjid, rumah dan istana juga mempunyai kesenian yang indah. Istana mempunyai balairung, balai istiadat dan sebagainya. Ruang dan tempat dalam isana ini diukir dengan pelbagai hiasan bercorak Islam yang bermotifkan ukiran berbentuk bunga-bunga dan alam semula jadi.
- Seni epigrafi juga berkembang. Ini terbukti pada ukiran batu nisan dan pada Batu Bersurat Terengganu. Selain itu muncul tulisan khat yang diukir pada kayu yang dijadikan hiasan di masjid dan rumah.
- Seni persembahan masyarakat di Alam Melayu juga berubah dengan kedatangan Islam. Seni tarian dabus di Perak merupakan seni tarian yang dipengaruhi oleh seni tari Arab. Seni nazam (syair) yang mengisahkan hidup Rasulullah s.a.w. dan ghazal merupakan seni yang datang dari Arab.

2.9 Budaya dan cara hidup

- Kedatangan Islam telah banyak mempengaruhi cara hidup masyarakat di Alam Melayu. Budaya tolong-menolong dan bergotong royong menjadi amalan utama masyarakat.
- Hubungan kekeluargaan yang rapat dalam masyarakat di Alam Melayu adalah merupakan sebahagian daripada ajaran Islam. Islam mewajibkan anak-anak mentaati perintah ibu bapa serta menghormati mereka berdua. Terdapat panggilan dalam keluarga yang meletakkan kedudukan seseorang dalam keluarga. Antaranya ialah Pak Long, Pak Ngah, Mak Long dan sebagainya.
- Budaya menziarahi tetamu dan menghormati tetamu merupakan pengaruh ajaran Islam. Selain itu terdapat lagi pengaruh Islam dalam amalan masyarakat Melayu seperti budaya memberi salam, bersopan santun, menghormati orang tua dan sebagainya. Majlis perkahwinan orang Melayu juga dijalankan mengikut kehendak Islam seperti akad nikah dan lain-lain.

3. Kesimpulan (1m)

- 3.1 Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah mengubah corak kehidupan masyarakat yang sebelum ini mengamalkan kepercayaan animisme serta menganut agama Hindu-Buddha. Islam telah menjadi satu cara hidup yang lengkap meliputi aspek akidah dan kepercayaan, politik, sosial, dan kebudayaan.
- 3.2 Sungguhpun berbagai-bagai pembaharuan telah dibawa oleh Islam terhadap masyarakat di Alam Melayu, tetapi dalam bidang kebudayaan dan adat resam tidak banyak perubahan yang berlaku, malah unsur-unsur lama dari amalan animisme dan ajaran Hindu-Buddha masih kekal dan sebatik dalam masyarakat.

S 10. Huraikan aspek utama yang terkandung dalam Piagam Madinah dan nyatakan kepentingannya.

1. Pengenalan (3m)

- 1.1. Piagam Madinah atau dikenali juga '*Sahifah Madinah*' ialah perlembagaan bertulis tentang hak dan tanggungjawab pemerintah dengan orang yang diperintah.
- 1.2. Digubal oleh Nabi Muhammad dalam usaha menegakkan sebuah kerajaan Islam di Madinah.
- 1.3. Mempunyai 10 bab dan dipecahkan kepada 47 fasal.
- 1.4. Piagam ini berasaskan wahyu yang mengandungi konsep keadilan sejagat yang akan melahirkan ketaatan rakyat kepada pemerintah iaitu Nabi Muhammad s.a.w.

2. Isi-isi Jawapan (20 m)

2.1. Aspek Utama Kandungan Piagam Madinah (4 X 2 = 8 m)

a. Pentadbiran

Rasulullah diiktiraf sebagai ketua negara Madinah yang wajib dipatuhi dan dihormati. Sebarang masalah mesti dirujuk kepada ketua negara untuk diselesaikan. Walau bagaimanapun ketua kaum masih mempunyai hak untuk menyelesaikan sendiri masalah jika difikirkan patut dan mampu diselesaikan.

b. Agama

Semua penduduk diberi kebebasan mengamalkan agama masing-masing tanpa ada sekatan, gangguan dan paksaan. Hal ini memberi peluang orang bukan Islam mendekati orang Islam seterusnya berminat dengan ajaran Islam apabila memerhati akhlak dan personaliti dan disiplin umat Islam melakukan aktiviti harian termasuk amal ibadat

c. Sosial

Semua penduduk Madinah hidup sebagai satu ummah dan tidak terpengaruh dengan elemen luar yang tidak baik dan mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap negara serta tidak boleh bermusuhan

d. Perundangan

Undang-undang Islam diguna pakai, tetapi undang-undang kekeluargaan dalam kabilah boleh diamalkan selagi tidak bertentangan dengan Islam. Undang-undang Islam menekankan penginsafan dan bukannya untuk menjatuhkan hukuman. Menetapkan syarat untuk menjatuhkan hukuman seperti saksi yang dapat mengesahkan jenayah.

e. Pertahanan

Semua anggota masyarakat dikehendaki pertahankan negara. Kedudukan kaum Yahudi terjamin selagi mematuhi perlembagaan Madinah. Selain itu, semua penduduk mesti bersatu padu, bekerjasama dan bertanggungjawab mempertahankan negara dari ancaman musuh.

f. Ekonomi

Kerjasama dari semua penduduk dituntut bagi memajukan ekonomi negara dan sistem ekonomi berteraskan Islam diamalkan.

2.2 Kepentingan Piagam Madinah (4 X 3 = 12 m)

a. Nabi Muhammad sebagai pemerintah tertinggi dan unggul di Madinah

- Nabi Muhammad merupakan seorang negarawan yang unggul dan berwibawa.
- Ketokohan baginda yang cuba menonjolkan agama Islam bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek akidah tetapi juga dalam hal ehwal duniawi.
- Baginda bertanggungjawab menyelesaikan masalah perselisihan kaum dan mewujudkan satu institusi kebaikan dan keadilan di Madinah.
- Peruntukan dalam fasal 23 dan 42, Piagam Madinah menjelaskan bahawa apabila timbulnya perbezaan dan pertelingkahan, maka penyelesaian mengikut hukum Islam dan keputusan Rasulullah dibuat.
- Perlembagaan ini meletakkan kedudukan baginda sebagai ketua dan hakim negara yang tinggi.

b. Menjamin kebebasan kaum Yahudi

- Kaum Yahudi pada mulanya memang berminat untuk menguasai Madinah.
- Atas kesedaran itu, Piagam Madinah juga menitikberatkan dan menjamin kebebasan kaum Yahudi dan penganut-penganut agama lain untuk menganut dan mengamalkan ibadat agama mereka sendiri
- Tujuannya supaya kaum Yahudi tidak menyebarkan agama mereka di Madinah dan mengelakkan permusuhan sesama sendiri.

c. Menyatupadukan masyarakat Madinah

- Piagam Madinah telah menyatupadukan semua masyarakat di Madinah antara masyarakat Islam dan bukan Islam. melalui sifat saling menghormati, bertanggungjawab dan sebagainya.
- Perlaksanaan piagam ini penting supaya masyarakat berbilang bangsa di Madinah dapat hidup aman damai, teratur dan bersistem serta menghindari permusuhan.
- Perlembagaan Madinah telah mengalami perubahan dan perkembangan dari segi nilai tradisi

jahiliyah yang berpegang teguh kepada semangat assabiyah dimana mementingkan maruah diri dan kaum masing-masing kepada nilai-nilai persaudaraan Islam.

d. Semua kaum bertanggungjawab mempertahankan Madinah

- Semua penduduk di Madinah harus berganding bahu mempertahankan Madinah tidak kira yang beragama Islam atau bukan Islam.
- Mereka harus bersatu tenaga mempertahankan Madinah daripada serangan musuh.
- Mereka tidak boleh mengadakan hubungan dengan musuh-musuh Islam bagi tujuan menentang negara Islam Madinah.
- Semangat cinta akan Kota Madinah dipupuk dalam kalangan masyarakat bagi menghindari permusuhan sesama sendiri sehingga menyebabkan musuh dapat mengambil alih kota Madinah.
- Islam menganggap ahli kitab atau orang Yahudi sebagai warganegara dan ummah bersama orang Islam selagi mereka menjalankan tanggungjawab yang dikenakan ke atas mereka.

e. Terbentuk sebuah kerajaan Islam yang kuat dan kukuh

- Orang Islam bebas berhimpun dan bermesyuarat bagi membincangkan masalah politik dan pentadbiran negara.
- Dengan terbentuknya Piagam Madinah, sebuah negara Islam telah berjaya dibentuk dan mewujudkan kesedaran bahawa mereka ialah masyarakat yang kuat dan bersatu padu serta Madinah adalah milik bersama.
- Piagam Madinah mengakui hak dan tanggungjawab penduduk Madinah termasuk orang bukan Islam untuk mendapat perlindungan dan keselamatan dari segi pengadilan dan perundangan.
- Mereka mempunyai kewajipan bersama untuk mempertahankan negara dan perbelanjaan bagi mempertahankan negara adalah tanggungjawab bersama.

f. Konsep persamaan dan keadilan kepada semua penduduk

- Tujuannya untuk mengelakkan jurang perbezaan dan penindasan.
- Piagam Madinah meratakan kekayaan antara masyarakat bagi mengelakkan penindasan golongan kaya ke atas golongan miskin.
- Keadilan merupakan tanggungjawab setiap orang untuk melaksanakan dengan penuh kejujuran dan syiar agama supaya individu akan berasa aman dan tenteram kerana telah memberi jaminan dan keselamatan kepada akal, diri, harta benda, agama dan keturunan manusia.
 - Tujuan keadilan dengan menolak dan menghindarkan keburukan dan memberi kebaikan serta hak kepada seseorang berdasarkan syariat Islam.
- Piagam Madinah mengingatkan warganya supaya berlaku adil dan tidak menganiayai manusia bahkan hendaklah sentiasa tolong menolong dan setiap kezaliman hendaklah dihapuskan seperti yang termaktub dalam fasal 13 piagam tersebut.

g. Perpaduan umat Islam

- Penduduk Madinah diseru agar saling bekerjasama dan bersatu padu memandangkan umat Islam di Madinah terbahagi kepada dua kumpulan utama, iaitu golongan Ansar dan golongan Muhajirin.
- Untuk menyatupadukan mereka, penduduk Madinah diasuh menjadi satu kumpulan yang kuat dan utuh bagi mengelakkan musuh mengambil kesempatan ke atas perpecahan mereka.
- Persaudaraan Islam bertujuan untuk menjalin dan mengeratkan hubungan persahabatan

- sesama Islam tanpa mengira keturunan, tempat tinggal dan warna kulit.
- Persaudaraan Islam adalah suatu sikap dan tindakan yang lahir daripada jiwa dan hati manusia yang diikat dengan akidah keimanan kepada Allah dan rasul-Nya.
 - Persaudaraan ini dapat melahirkan masyarakat Islam yang sebenar, kukuh dan padu, mempunyai kefahaman dan kerjasama yang erat serta cinta akan kedamaian dan kesejahteraan hidup.

3. Kesimpulan (1m)

- 3.1. Piagam Madinah terbukti sebagai piagam bertulis pertama di dunia dan merupakan undang-undang terbaik yang mesti diikuti oleh mana-mana negara.
- 3.2. Rasulullah dengan kebijakannya telah membuktikan kesempurnaan piagam ini dan seterusnya membuktikan kepada dunia bahawa peraturan Islam berlandaskan al Quran memberi kebaikan dan kesempurnaan kepada manusia tanpa mengira agama dan bangsa.
- 3.3. Kesan daripada Piagam Madinah, Nabi Muhammad s.a.w telah dapat membentuk sebuah negara Islam yang kukuh dan diterima serta dihormati oleh negara-negara luar.

S.11. Sejauh manakah ketokohan dan kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w menjadi faktor utama kejayaan tentera Islam dalam siri peperangan pada zamannya.

1. Pengenalan (3m)

- 1.1 Selepas hijrah ke Madinah, Nabi Muhammad s.a.w telah diangkat sebagai ketua negara sebagaimana termaktub dalam Piagam Madinah.
- 1.2 Baginda merupakan seorang negarawan ulung melalui kepimpinan politik, ekonomi, sosial dan ketenteraan yang sangat berjaya.
- 1.3 kepimpinan baginda merupakan contoh utama (uswah hasanah) kepada kepimpinan tentera Islam.
- 1.4 Kesemua ekspedisi ketenteraan yang disertai baginda mencapai kejayaan yang menunjukkan kebijaksanaan baginda dalam merangka taktik dan strategi peperangan.

2. Isi-isi jawapan : (7isi x 3m=21m)

Ketokohan dan kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w dalam bidang ketenteraan

2.1 Akidah Rasulullah s.a.w.

Keyakinan yang tinggi terhadap keesaan Allah, para sahabat tidak gentar menghadapi musuh. Ia merupakan kekuatan spiritual dan perjuangan asas para sahabat untuk mempertahankan agama Islam pada peringkat awal. Baginda memastikan pengikut baginda tetap dengan pendirian dan tidak gentar walaupun jumlah musuh lebih besar dan mempunyai kelengkapan yang lebih baik seperti mana yang berlaku dalam Perang Badar.

2.2 Sentiasa menunjukkan akhlak yang mulia dan terpuji.

Baginda tidak bersikap zalim terhadap musuh sama ada hidup atau mati. Baginda bersikap adil terhadap musuh seperti berpegang teguh dengan perjanjian. Nabi Muhammad s.a.w membebaskan Malek bin Auf dan keluarganya serta seluruh harta mereka selepas Perang Taif

sebagaimana memenuhi janjinya sekiranya Malek bin Auf menyerah diri. Tindakan baginda yang berpegang pada janji telah menawan hati musuh-musuhnya sehingga Malek bin Auf akhirnya memeluk Islam.

2.3 Bersikap terbuka dan mengamalkan prinsip musyawarah.

Nabi Muhammad s.a.w sentiasa meminta pendapat para sahabat dan tidak menggunakan kuasa secara mutlak. Baginda menghidupkan prinsip musyawarah di medan perang dengan membuka peluang kepada rakyat memberi pandangan untuk menghadapi tentera musuh. Misalnya idea menggali parit yang dikemukakan oleh Salman al Farisi dalam Perang Khandak.

2.4 Beretika dalam peperangan.

Baginda dan para sahabat bertindak mengikut batas-batas peperangan yang ditetapkan. Nabi Muhammad s.a.w telah menasihatkan tentera Islam supaya tidak mengejar musuh yang lari meninggalkan medan peperangan, tidak memerangi golongan tua dan lemah, kanak-kanak, orang yang tidak bersenjata, tidak memusnahkan harta benda seperti bangunan dan tanaman. Ini menggambarkan tentera Islam tidak ganas dan agresif serta berperang secara adil.

2.5 Mempunyai akal dan ilmu pengetahuan yang tinggi selaras sebagai seorang pemimpin.

Sebagai seorang rasul Nabi Muhammad mempunyai sifat bijaksana. Baginda amat pintar dalam mengatur taktik dan strategi peperangan. Antaranya baginda selaku ketua panglima tentera menyusun tenteranya berdasarkan sistem baris atau al-saf. Contohnya dalam Perang Badar, baginda menyusun tenteranya dalam dua baris, iaitu barisan hadapan bersenjatakan tombak dan perisai, barisan belakang bersenjatakan panah dan perisai.

2.6 Berfikiran kritis dan berpandangan jauh.

Pemikiran kritis Rasulullah s.a.w dapat dilihat semasa Perjanjian Hudaibiah. Walaupun pada peringkat awal sahabat-sahabat menentang perjanjian ini, tetapi nabi telah menjangkakan kemenangan untuk jangka masa panjang. Hal ini terbukti apabila pihak Quraisy mencabuli perjanjian dan menyebabkan Rasulullah s.a.w bertindak membuka kota Makah.

2.7 Pemimpin yang menerapkan semangat jihad.

Sebagai ketua panglima tentera, baginda telah menerangkan kepada tentera Islam tentang tujuan berperang. Perjuangan Islam ialah untuk menegakkan Kalimah Allah SWT dan menjanjikan syurga kepada para syuhada.

2.8 Pengurusan jenis tentera dalam Islam.

Pada zaman awal Islam, bilangan tentera Islam amatlah kecil berbanding tentera musuh. Misalnya dalam Perang Badar tentera Islam hanyalah lebih kurang 324/313 orang. Nabi s.a.w membentuk tentera Islam yang terdiri daripada tentera pejalan kaki (infantri), tentera berkuda (kavalri) dan pasukan pemanah. Bilangan tentera sentiasa bertambah dari semasa ke semasa.

3. Kesimpulan (1m)

Kepimpinan Rasulullah s.a.w sebagai seorang ketua panglima yang agung sememangnya terserlah melalui taktik dan strategi peperangan baginda dan kesannya tentera Islam mencapai pelbagai kejayaan dalam misi peperangan mereka.

S 12. Huraikan sumber-sumber dan peranan Baitulmal pada zaman pemerintahan Khalifah Umar Al Khattab.

1. Pengenalan (3m)

- 1.1 Baitulmal (rumah harta) atau dalam istilah moden perbendaharaan Negara merupakan sebuah institusi kewangan yang berfungsi untuk menyelenggarakan harta-harta umum. Baitulmal juga adalah tempat untuk menyimpan barangan berharga seperti wang, emas, perak, batu permata, dan barang perhiasan yang berharga.
- 1.2 Pada zaman nabi Muhammad SAW dan zaman Khalifah Abu Bakar Assiddiq, telah wujud Baitulmal tetapi pelaksanaannya tidak begitu menyeluruh. Umum mengatakan bahawa tarikh penubuhan rasmi Baitulmal adalah pada zaman Khalifah Umar Al Khattab(13H- 23H) (634-644 M) .Pada zaman ini pelaksanaan Baitulmal telah dibuat secara sistematik.
- 1.3 Sumber-sumber Baitulmal boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian dan mempunyai peranan-peranan tertentu.

2. Isi-isi Jawapan (20m)

2.1 Sumber-sumber Baitulmal (10m)

- a. Zakat Hartabenda yang diperoleh daripada orang Islam seperti emas, perak, zakat pertanian, dan ternakan.
- b. Ghanimah – harta rampasan perang
- c. Fay’ - harta rampasan tanpa perang ,harta orang mati yang tiada waris, dan harta karun.

- d. Kharaj- cukai tanah yang dikenakan kepada semua pemilik tanah di wilayah-wilayah takluk dengan kadar 10%.
- e. Jizyah- cukai perlindungan yang dikenakan ke atas orang kafir Zimmi iaitu orang bukan Islam yang bernaung di bawah pemerintahan Islam atau mempunyai perjanjian damai dengan Negara Islam. Jizyah dikenakan dengan syarat tertentu seperti lelaki, merdeka, berakal, baligh, masih hidup, dan berupaya. Kadar cukai ini adalah 12-48 dirham setahun mengikut kekayaan atau keupayaan.
- f. Usyur- cukai perniagaan yang dikenakan kepada semua peniaga tidak kira Islam atau bukan Islam tetapi kadar cukai berbeza-beza.
- g. Sedekah, harta wakaf, wasiat, harta yang dijumpai dan tidak diketahui tuannya, dan harta yang tercicir.

2.2 Peranan Baitulmal (10 m)

- a. perbelanjaan kepada kerajaan pusat di Madinah.
 - cth: 1/5 daripada ghanimah dan fay' diperuntukkan kepada perbelanjaan kerajaan untuk membina sekolah, prasarana, tali air, dan membiayai projek-projek pembangunan fizikal.
 - Melibatkan kos pentadbiran dan memberi elaun kepada angkatan tentera sebagai ganti kepada larangan memiliki tanah di negeri yang baru ditakluki.
- b. membantu perkembangan ekonomi Islam.
 - membantu golongan miskin dan kurang bernasib baik
 - mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
 - bentuk bantuan seperti makanan, tempat tinggal dsbnya.
- c. sumber utama memperkukuh angkatan tentera dan keselamatan negara.
 - digunakan untuk memperkukuh angkatan tentera Islam yang menghadapi ancaman daripada tentera Byzantine.
 - membelanjakan bagi keselamatan negara seperti perbelanjaan perang dan
 - memulihkan keadaan negara selepas perang.
- d. menyelaraskan kutipan dan agihan berasaskan syariat Islam.
 - memastikan harta Baitulmal tidak digunakan sesuka hati, pengagihannya adil dan saksama, dan saidina Umar Al Khattab menyimpan dan memeriksa buku kira-kira serta akaun Baitulmal dengan baik.
- e. menyimpan harta Negara

3. Kesimpulan (2m)

Khalifah Umar Al Khattab merupakan khalifah AlRasyiddin yang pertama menubuh dan memperkembangkan sistem Baitulmal. Perancangan dan pelaksanaannya yang sistematik menjadi contoh hingga kini. Khalifah Umar berjaya membina dan membangunkan negara dengan hasil pendapatan daripada sumber yang pelbagai dan mempunyai peranan yang adil dan meliputi semua aspek kehidupan.

S 13. Huraikan perkembangan institusi pendidikan Islam di Aceh pada abad ke-17M.

1. Pengenalan (4m)

- 1.1. Selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511, Aceh mengambil alih peranan Melaka sebagai pusat perdagangan di Alam Melayu.
- 1.2. Aceh turut memainkan peranan sebagai pusat pengajian agama Islam yang utama di Nusantara.
- 1.3. Institusi pendidikan Islam di Aceh merupakan institusi yang tersusun dan terancang.
- 1.4. Pendidikan asas bermula di Madrasah atau Meunasah, diikuti dengan pendidikan menengah di Rangkang dan seterusnya pendidikan tinggi dijalankan di Ballee.
- 1.5. Pengajian Islam berkembang dengan pesat merangkumi tugas bahasa, iaitu fiqh, usuluddin dan tasawuf.
- 1.6 Pendidikan di Aceh terbahagi kepada lima peringkat:-
 - i. Pendidikan dasar – madrasah
 - ii. Pendidikan menengah – rangkang
 - iii. Pendidikan tinggi di Ballee
 - iv. Kumpulan beberapa Rangkang Ballee – melahirkan dayah
 - v. Pendidikan yang dijalankan di masjid seperti Masjid Baiturahman, Baiturahim dan Bait Mushadah.

2. Isi Penting (5 isi X 4 m = 20 m)

2.1. Madrasah atau Meunasah

- Merupakan institusi pendidikan permulaan yang biasanya didirikan di setiap kampung.
- Pelajar diajar membaca al-Quran, membaca dan menulis huruf Arab dan perkara asas dalam Islam.

- Pelajar turut mempelajari ilmu fardu ain seperti Rukun Iman, Rukun Islam, fekah, ibadat dan akhlak.
- Para pelajar juga dilatih bernasyid yang berhubung dengan agama iaitu dinakan dike (zikir) atau seulaeut (salawat) pada setiap malam Jumaat.
- Anak-anak yang khatam al-Quran diajar beberapa kitab agama yang ditulis dalam bahasa Jawa dan Aceh seperti Kitab Perukunan dan Risalah Masailal al-Muhtadin.
- Sejarah Islam juga diajar dengan cara bercerita.

2.2. Masjid

- Berfungsi sebagai pusat pendidikan dan juga pusat kegiatan umat Islam.
- Merupakan pusat pendidikan yang bersangkutan dengan pendidikan menengah pertama.
- Beberapa masjid dinaiktaraf menjadi pusat pendidikan tinggi seperti Masjid Baiturahman.

2.3. Rangkang

- Untuk melanjutkan pelajaran agama yang lebih tinggi.
- Para pelajar mendirikan pondok-pondok kecil mengelilingi masjid yang dijadikan asrama.
- Terdapat rangkang yang bergantung kepada tahap ilmu yang dimiliki oleh guru yang mengajar.
- Murid yang pintar pada kebiasaannya berpindah dari satu rangkang ke rangkang yang lain untuk mengikuti pelajaran daripada guru yang lebih mahir.
- Ada antara pelajarnya yang melanjutkan pelajaran ke Makkah, India dan Mesir.
- Rangkang yang terkenal ialah yang terletak di Banda Aceh Barussalam.
- Banyak ulama yang terkenal dari luar negara datang mengajar di situ dan pelajar-pelajarnya juga datang dari pelbagai daerah.
- Mata pelajaran yang diajar ialah Fekah, Ibadat, Tauhid, Tasawuf, Sejarah Islam dan Sejarah Dunia dan juga Bahasa Arab.
- Pelajar menggunakan buku-buku yang ditulis dalam bahasa Melayu, selain daripada buku-buku bahasa Arab yang juga banyak digunakan.
- Ilmu umum turut diajar seperti Geografi, Sejarah dan Matematik.

2.4. Dayah

- Di Aceh, Dayah disamakan dengan Sekolah Menengah Atas di Indonesia atau Madrasah Aliyah.
- Hampir setiap daerah nangore (negeri) terdapat dayah.
- Terdapat dayah yang berpusat di masjid bersama rangkang tetapi kebanyakan dayah berdiri sendiri di luar lingkungan masjid dengan menyediakan sebuah balai utama iaitu aula yang digunakan sebagai tempat belajar sembahyang.
- Pusat Pengajian Tinggi Dayah Cot Kala merupakan pusat pendidikan Islam tinggi yang pertama yang di Asia yang telah melahirkan banyak ulamak yang menjadi pendakwah Islam di Nusantara.
- Semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Arab dengan menggunakan kitab-kitab dari Arab.
- Dua jenis dayah iaitu dayah bersifat khusus dan dayah bersifat umum.
- Dayah bersifat khusus seperti dayah untuk wanita sahaja, dayah yang khusus untuk mengajar dalam bidang pertanian, ilmu pertukangan, ilmu perniagaan dan sebagainya dengan menurut syariat Islam.
- Antara dayah yang terkenal ialah Dayah Cot Kala, dan Dayah Teungku Chik.
- Mata pelajaran yang diajar di Dayah Teungku Chik ialah bahasa Arab, Fiqh, Jinayat(hukum pidana), Fiqh Munakahat (hukum perkahwinan), Fiqh Duali (hukum tatanegara), Sejarah Islam, sejarah negara-negara, Ilmu Mantik, Tauhid/Filsafat, Tasawuf, Akhlak, Ilmu Falak, Tafsir, Hadis dan sebagainya.
- Menurut Beaulieu (pengembara Perancis) yang pernah mengunjungi Aceh pada abad ke-17, menyatakan bahawa ajaran Islam yang berkembang sejak sekian lama telah dapat membasmi buta huruf dan buta ilmu.

2.5. Balai Setia Hukama dan Balai Setia Ulama

- Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah menubuhkan Lembaga Pelaksana Pendidikan yang terdiri daripada Balai Setia Hukama, Balai Setia Ulama dan Balai Jamaah Himpunan Ulama.
- Balai Setia Hukama - tempat para ulama dan ahli fikir untuk membahaskan perkara-perkara yang menyentuh tentang pendidikan.
- Balai Setia Ulama – menguruskan masalah-masalah yang berkaitan dengan pendidikan.

2.6. Balai Jamaah Himpunan Ulama

- Merupakan kelab perbincangan bagi para sarjana dan ulama bertukar-tukar pandangan, berseminar, membahaskan masalah pendidikan dan sebagai tempat pengembangan ilmu pengetahuan.

2.7. Jamiah/Universiti Baiturahman

- Masjid Baiturahman dinaiktaraf menjadi Jamiah/Universiti Baiturahman.
- Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam sendiri telah mendirikan Masjid Baiturahman yang digunakan semata-mata untuk dijadikan tempat menuntut ilmu.
- Terdapat 17 dar (fakulti) seperti Fakulti Ilmu Tafsir dan Hadis, Fakulti Ilmu Kedokteran, Fakulti Ilmu Kimia, Fakulti Pertanian, Fakulti Peperangan dan lain-lain lagi.
- Tenaga pendidik terdiri daripada ulama atau sarjana dari Aceh dan juga negara-negara Islam yang lain seperti Arab, Turki, Parsi, India dan lain-lain lagi.
- Pada zaman pemerintahan Sultan Alaidin Muda Darma Wangsa Perkasa Alam Syah (1607 – 1636), terdapat sebanyak 44 orang guru besar di Jamiah Baiturahman (A.Hasjmy).

3. Kesimpulan (1m)

- 3.1. Kewujudan institusi ini telah melahirkan golongan ulama dan intelektual Islam seperti Syeikh Shamsuddin al-Sumatrani, Abdul Rauf Singkel, Hamzah Fansuri dll.
- 3.2. Kesannya – telah membantu menghebatkan perkembangan Islam di Nusantara.

S 14. Bincangkan sumbangan Ibnu Khaldun dalam perkembangan tamadun Islam.

1. Pengenalan (3m)

- 1.1. Nama sebenar Ibnu Khaldun ialah Abdul Rahman Ibn Muhammad Ibn Abi Bakr Muhammad Ibn al-Hasan Ibn Khaldun.
- 1.2. Dilahirkan di Tunisia pada tahun 732H/1332M dan meninggal dunia di Kaherah, Mesir pada 808H/1406M.
- 1.3. Berketurunan Arab dari Yaman yang berhijrah ke Andalus. Berpindah ke beberapa tempat iaitu Algeria, Fez, Granada, Bougie dan Mesir apabila Tunisia dilanda wabak taun.
- 1.4. Beliau merupakan pemikir Islam terulung dalam bidang sejarah, sosiologi, politik dan agama.

2. Isi-isi jawapan - Sumbangan Ibnu Khaldun (5 X 4 = 20m)

2.1 Penglibatan dalam aktiviti Sosial dan Politik

- Beliau pernah menyandang beberapa jawatan dan pernah berkhidmat dengan beberapa orang pemerintah di Utara Afrika dan di Andalus.
- Banyak menyandang jawatan penting seperti Setiausaha Negara di istana Sultan Abu Ishaq bin Abi Yahya dan Sultan Abu Annan, Anggota Majlis Ilmiah. Anggota Jabatan Setiausaha Sulit Sultan Abu Salim bin Abi Al-Hasan di Fez, Maghribi. Duta Granada. Perdana Menteri (Hajib) Bougie. Ketua Hakim (Qadhi Al-Dudhah).

- Jawatan tersebut memberi peluang untuk berkhidmat kepada negara dengan lebih berkesan.

2.2 Sumbangan Ibnu Khaldun dalam bidang ilmu dan pemikiran Islam

- Berjaya menganalisis sejarah dari aspek kemasyarakatan, ekonomi, politik, dan pendidikan.
- Memberi panduan yang terbaik kepada manusia tentang asas pembinaan sesebuah tamadun.
- Berpendapat bahawa sesebuah tamadun tertegak hasil dari keunggulan rohani dengan jasmani.
- Merupakan pelopor kepada pemikiran-pemikiran moden khususnya dalam bidang sejarah, politik, ekonomi, sosiologi dan pendidikan.
- Para sarjana mengiktiraf karya beliau sebagai bahan kajian dan rujukan.
- Pemikiran beliau sering dijadikan wacana, tema-tema seminar, bengkel, persidangan ilmiah, judul-judul buku dan tesis di peringkat pengajian tinggi.
- Sebuah anugerah ilmiah yang berprestij dinamakan sempena nama beliau iaitu Ibnu Khaldun Chair of Islamic Studies di Universiti Amerika.
- Namanya diabdikan di dalam sebuah universiti di Jakarta, Indonesia iaitu Universiti Ibnu Khaldun.

2.3 Karya Agung Ibnu Khaldun

- Buku Muqaddimah merupakan karya agung Ibnu Khaldun dalam bidang pensejarahan.
- Buku ini merupakan ensiklopedia sintesis mengenai metodologi sains kebudayaan yang penting. Pada pendapat B.Lewis, buku ini dapat membantu ahli sejarah dalam penghasilan kajian yang benar dan ilmiah.
- Buku Muqaddimah ini dibahagikan kepada enam bab. Kandungannya ialah:
 - Bab satu- risalah umum tentang masyarakat
 - Bab dua- masyarakat badwi atau primitif
 - Bab tiga- pemerintahan raja dan khalifah
 - Bab empat- masyarakat bandar atau maju
 - Bab lima- ekonomi
 - Bab enam- ilmu pengetahuan dan pendidikan
- Isi kandungan buku ini juga terbahagi kepada bahagian asasi dan tidak asasi:
 - Bahagian asasi-disiplin falsafah, falsafah sejarah dan falsafah sains sosial
 - Bahagian tidak asasi-geografi, kebudayaan, politik, agama, peradaban dan ilmu pengetahuan
- Muqaddimah ialah sumbangan yang agung dalam bidang pensejarahan yang merupakan percubaan awal ahli sejarah untuk memahami perubahan yang berlaku pada organisasi politik dan sosial manusia.

2.4 Pengasas falsafah sejarah

- Ibnu Khaldun mendefinisikan sejarah sebagai catatan atau maklumat tentang masyarakat manusia, iaitu perubahan-perubahan yang berlaku pada sifat-sifat manusia seperti kemarahan, kebiadaban, revolusi, perasaan setia kawan dan pemberontakan sehingga mengakibatkan terbentuknya kerajaan, negara dan rakyat, wujudnya pelbagai kegiatan dan pekerjaan manusia, pelbagai aspek ilmu pengetahuan dan pertukangan, dan secara umumnya berkenaan semua perubahan yang dialami oleh manusia.
- Secara ringkas daripada definisi di atas, sejarah dan masyarakat adalah satu kesatuan yang mempunyai kesamaan realiti yang berhubung kait antara satu sama lain. Konsep ini berbeza dengan pendapat Herodotus, seorang ahli sejarah Yunani yang mengatakan bahawa Tuhan telah campur tangan secara langsung dalam menentukan sejarah manusia dan bukan manusia itu

sendiri yang menentukan sejarahnya.

- Ibnu Khaldun telah menetapkan beberapa prinsip untuk sejarah. Contohnya, apabila mengkaji sesuatu peristiwa kebangkitan dan kejatuhan sesebuah kerajaan, seseorang individu perlu memastikan penglibatan sebab dan akibat kejadian itu berlaku. Keadaan ini menunjukkan hubungan secara langsung antara sebab dan akibat.
- Menurut beliau, manusia sendiri yang menentukan sejarahnya kecuali mereka yang melanggar hukum Allah sama ada hukum tersurat dalam wahyu atau tersirat dalam hukum alam akan ditentukan Allah.
- Berjaya memurnikan ilmu sejarah dengan menjadikan rasional sebagai kayu ukur fakta sejarah tanpa fanatik kepada sesuatu laporan yang tidak terbukti kebenarannya.
- Menggariskan empat perkara yang perlu dilakukan sejarawan dalam penelitian dan analisis laporan sejarah :
 - i. Membandingkan antara peristiwa-peristiwa dengan berdasarkan kaedah sebab dan musabab.
 - ii. Mengkaji peristiwa-peristiwa lalu untuk dijadikan iktibar kepada peristiwa-peristiwa yang sedang berlaku.
 - iii. Mengambil kira pengaruh iklim dan alam sekitar terhadap apa yang berlaku.
 - iv. Mengambil kira kedudukan ekonomi dan budaya terhadap peristiwa yang berlaku.

2.5 Sebagai Budayawan

- Merupakan penggiat budaya dan kesusasteraan Arab.
- Pengajian kesusasteraannya dengan Syeikh Muhammad Bahr di Tunisia dimanfaatkan untuk menajamkan kemahirannya dalam syair.
- Banyak menghasilkan syair semenjak kanak-kanak lagi.

2.6 Bapa Ekonomi Islam

- Ibnu Khaldun dikenali juga sebagai bapa ekonomi Islam kerana pemikirannya tentang teori ekonomi yang logik dan realistik.
- Teori yang dikemukakannya jauh lebih terdahulu daripada teori-teori ekonomi yang dikemukakan oleh Adam Smith (1723-1790) dan David Ricardo (1772-1823).

3. Kesimpulan (1m)

- 3.1 Ibnu Khaldun merupakan seorang sarjana Islam yang terkemuka dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang kajian beliau. Beliau sangat disegani oleh sarjana Islam dan Barat.
- 3.2 Buku beliau yang terkenal iaitu Muqaddimah dianggap sebagai pengasas ilmu kepada masyarakat atau ketamadunan. Selain itu pandangan dan teori-teori yang dikemukakan oleh beliau telah banyak menyumbang kepada masyarakat sehingga ke hari ini.

S. 15 Bincangkan perkaitan antara peristiwa hijrah Nabi Muhammad s.a.w ke Madinah dengan sejarah penjelajahan dan penerokaan umat Islam selepas kewafatan baginda.

1. Pengenalan (3m)

- 1.1 Peristiwa hijrah Rasulullah s.a.w dari Makah ke Madinah berlaku pada tahun ke 3 karasulannya, bersamaan 12 September 622 Masihi. Peristiwa ini berlaku kerana tentangan hebat yang dihadapi oleh baginda tatkala menyebarkan agama Islam termasuk cubaan untuk membunuh baginda.
- 1.2 Peristiwa hijrah ini sememangnya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan kegiatan penjelajahan dan penerokaan, memandangkan kesemuanya memenuhi matlamat dan tujuan yang hampir sama iaitu pembebasan, pengislaman dan pengintelektualan.
- 1.3 Hijrah merupakan perpindahan Nabi Muhammad s.a.w dan orang Islam dari kota Mekah ke kota Madinah. Peristiwa ini merupakan titik tolak permulaan tamadun Islam di samping strategi baru dalam penyebaran Islam.

2. Isi-isi jawapan : (7isi x 3m =21m)

2.1 Kepentingan ekonomi.

Menghapuskan aktiviti ekonomi yang menindas di samping mengelak monopoli perdagangan bagi satu-satu pihak sahaja. Selepas peristiwa hijrah, ekonomi Islam semakin mantap dan kukuh dan berjaya menghapuskan amalan riba dan monopoli dalam sistem perniagaan. Islam menggalakkan umatnya berusaha dan bekerja untuk mendapatkan rezeki yang halal. Dengan semangat hijrah Nabi Muhammad s.a.w telah memberi dorongan dan perangsang kepada umat Islam berhijrah, belayar meneroka kawasan-kawasan yang merentasi benua-benua dan lautan samudera bagi tujuan mencari rezeki bukan sahaja di Tanah Arab bahkan ke luar Semenanjung Tanah Arab seperti ke China, India, Asia Tenggara dan Eropah.

2.2 Kepentingan sosial.

Masyarakat bebas memeluk Islam tanpa penyiksaan dan gangguan. Hijrah juga dapat menghapuskan sistem kasta yang diamalkan dalam masyarakat pada zaman jahiliah dan diganti dengan nilai murni berasaskan akidah, syariah dan akhlak. Hidup berpuak-puak diganti dengan hidup sosial bersatu padu dalam bentuk ummah. Kebebasan hak diberikan tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan.

2.3 Kepentingan politik.

Umat Islam bebas menyebarkan dakwah, apatah lagi dengan adanya kuasa politik. Islam berjaya membebaskan masyarakat dari belunggu Rom dan Parsi. Dalam tempoh tidak sampai satu abad, umat Islam berjaya mendirikan sebuah empayar yang besar. Hijrah Nabi Muhammad s.a.w ke Madinah boleh dianggap sebagai titik tolak kepada pembinaan dan pembangunan umat Islam. Rasulullah s.a.w dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam baik dari kalangan Muhajirin dan Ansar sama ada dari segi politik dan ekonomi.

2.4 Kepentingan pelayaran dan geografi.

Mendorong meneroka ke kawasan yang lebih jauh merentasi benua dan lautan. Pada abad ke 9, bidang geografi dan pelayaran dikuasai oleh orang Islam. Ini melahirkan tokoh-tokoh pelayaran Islam seperti Ibn Masudi, Ibn Batuttah dan lain-lain. Mereka berjaya menghasilkan bahan-bahan penyelidikan serta teori berkaitan ilmu geografi dan pelayaran.

2.6 Menyebarkan agama.

Hijrah Nabi s.a.w untuk menyebarkan agama Islam ke wilayah baru telah dicontohi oleh beberapa pendakwah seperti Syeikh Ismail di Parsi, Sayid Abu Bakar di Jawa, Syeikh Abdul Aziz di Melaka yang mula-mula tiba di Alam Melayu. Kesannya keimanan rakyat tempatan diperkukuhkan.

2.7 Menyebarkan ilmu pengetahuan.

Melalui penerokaan dan penjelajahan, umat Islam telah dapat memperoleh ilmu pengetahuan dari tamadun sebelumnya atau melalui pemerhatian alam. Ilmu astronomi dari Yunani, Parsi dan India telah mempengaruhi ahli-ahli astronomi Islam. Ilmu geografi Islam juga semakin maju melalui kegiatan penjelajahan dan penerokaan ke Mesir, Parsi, Yunani, dan lain-lain. Banyak buku dalam pelbagai bidang telah diterjemahkan daripada bahasa Yunani, Parsi, India dan Mesir. Contohnya buku perubatan. Kesannya bidang pengintelektualan Islam telah berkembang ke seluruh dunia termasuk Eropah.

2.8 Tahun Hijrah.

Melahirkan tahun Hijrah dalam takwim Islam bermula dari tarikh orang Islam berhijrah dari Mekah ke Madinah pada 1 Muharram 1H bersamaan 16 Julai 622M. penentuan tahun hijrah dibuat pada zaman Khalifah Umar al-Khattab pada tahun 17H. Tujuannya untuk mengingati peristiwa hijrah yang penuh pengajaran dan hikmat dan memudahkan urusan pentadbiran berjalan lancar. Takwim hijrah mengikut peredaran bulan dan daripada takwim ini, ilmu berkaitan dengan pelayaran dan penjelajahan telah dikembangkan kepada ilmu-ilmu khusus tentang alam seperti geografi dan astronomi.

3. Kesimpulan (1m)

- 3.1 Penjelajahan dan penerokaan amat penting dari perspektif Islam iaitu dalam konteks dakwah, politik, ekonomi, kebudayaan dan pengintelektualan.
- 3.2 Umat Islam harus mengambil iktibar dari penghijrahan Nabi s.a.w untuk kebaikan umat Islam sendiri.

S 16. Bincangkan tujuan penghasilan seni dalam Tamadun Islam dan sumbangannya kepada perkembangan kesenian dunia.

1.Pengenalan(3 M)

- 1.1 Penghasilan seni adalah indah,halus,dan lembut serta merupakan fitrah manusia yang boleh membawa nikmat dan kesenangan.
- 1.2 Islam memberi petunjuk dan menuntut agar kesenangan dan keindahan yang dibentuk jangan sampai merosakkan keselamatan.
- 1.3 Penghasilan seni dalam tamadun Islam harus tunduk kepada undang-undang dan syariat,mempunyai tujuan-tujuan tertentu dan dapat memberi sumbangan kepada perkembangan seni insan lain.

2. Isi-isi jawapan(20 M)

2.1 Tujuan penghasilan seni (10 M)

a. Memperkuatkan semangat tauhid di kalangan ummah

Penghasilan seni dalam Islam adalah untuk mengagungkan Maha Pencipta (Allah SWT) menerusi keindahan. Penghasilan seni Islam adalah berpaksikan akidah dan akhlak yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk tujuan mencapai keredhaanNya serta merendahkan diri kepada Allah.

b. membentuk keperibadian positif manusia.

Islam menghendaki penghasilan seni mengandungi nilai-nilai mulia dan akhlak yang baik. Ianya hendaklah bebas daripada nilai-nilai negatif. Penghasilan seni dalam Islam hendaklah membawa ketenangan kepada jiwa penghasil seni dan sasarannya iaitu penggemar seni (umat manusia), tanpa melupakan Allah SWT.

c. memberi sumbangan kepada manusia melalui jalan yang diredhai Tuhan.

Kesenian dalam Islam dapat memberi sumbangan kepada kesatuan hidup seseorang. Kesatuan ini terbentuk dalam pekerjaan seharian, ketika berihat, atau berhibur.

d. melahirkan ahli-ahli seni yang berwibawa

iaitu seniman yang berfungsi sebagai salah satu bidang yang sesuai dengan fitrah manusia. Penghasilan seni dalam Islam hendaklah dapat melahirkan seniman yang bersifat taqwa dan menambahkan iman kepada Allah melalui seni Islam yang terpancar unsur tauhid.

2.2 Sumbangan seni Tamadun Islam kepada perkembangan kesenian dunia (10 M)

a. sumbangan seni bina Islam.

Seni bina masjid adalah contoh seni bina Islam yang memberi banyak sumbangan kepada seni bina dunia kerana masjid dapat dijadikan tempat berkumpul atau beribadat, menyampaikan maklumat kemasyarakatan, perpustakaan, pusat pengumpulan al -Quran, merancang teknik peperangan, menyelesaikan masalah ummah, dll. Contohnya masjid –masjid indah di Sepanyol, Iraq, Syam, Mesir, dan di Afrika. Dalam bidang ekonomi, seni bina Islam turut memberi sumbangan seperti pembinaan tali air dan terusan yang dapat menambah hasil pertanian. Kaabah juga merupakan seni bina yang memberi sumbangan penting sebagai destinasi haji setiap tahun dan untuk tujuan rehlah dan pelancongan. Antara contoh seni bina ialah pada pintu gerbang, kota dan kubu, pusara dan makam, dan rumah.

a. Sumbangan seni muzik Islam

Pada abad ke 12, didapati karya-karya penting yang dihasilkan oleh orang Islam tentang muzik telah diterjemah ke bahasa latin., Terjemahan ini dilakukan oleh ahli-ahli muzik di Toledo. Ahli muzik Eropah seperti Franco of Cologne(1190M) telah mengikut jejak al Kindi dalam bidang seni muzik. Bapa falsafah Islam iaitu al Farabi ialah penggemar muzik dan beliau mencipta dan menggabungkan muzik seperti Grand Book of Music on the Classification of Rhythm dan The Styles in Music.

b. sumbangan dalam kesusasteraan.

Banyak karya sastera dalam bentuk sastera Arab telah diterjemah ke bahasa-bahasa Eropah. Istilah Arab seperti sukkardan kimia telah ditukar kepada istilah eropah seperti sugar dan al chemy dan banyak lagi telah dipinjam oleh bahasa Eropah. Khalifah Mutamid (1040-1095M) merupakan seorang sasterawan yang berbakat dan menaungi kegiatan kesusasteraan, kesenian, dan sains. Ibnu Shuid (991-1035M) merupakan

seorang yang pakar dalam bidang prosa dan puisi.

c. Sumbangan dalam seni ukir.

Seni ukir Islam dibawa ke Eropah melalui kerajaan Islam Andalusia yang berpusat di Cordova. Seni ukir dan tulisan khat yang indah itu masih dapat dilihat pada bangunan masjid-masjid yang kini diubahsuai menjadi gereja dan istana oleh kerajaan Sepanyol. Di Itali, seni ukir Islam masih dapat dilihat di gereja Milano. Di Nusantara, sumbangan seni ukir Islam masih dapat dilihat pada batu hitam yang dijumpai di Kuala Brang, Trengganu iaitu Batu Bersurat Trengganu.

d. Sumbangan dalam seni khat(kaligrafi)

Tamadun Islam kaya dengan seni tulisan tangan yang halus, indah, dan berseni yang dilihat sebagai tulisan khat. Pada zaman Abasiyyah, seni khat kufi menghiasi pelbagai bangunan seperti masjid, gedung pemerintahan, kubah, menara masjid dll.

e. Sumbangan seni lukis Islam.

Sumbangan seni lukis Islam terpamer pada corak-corak kain. Pada zaman kerajaan Fatimiyah di Mesir, tekstil menggunakan motif figura dan khat. Pada zaman Uthmaniyyah, motif tambahan dalam pelbagai corak dan warna menjadi pilihan seni lukis Islam.

3. Kesimpulan (2M)

3.1 Kesenian dalam Islam jelas mempunyai matlamat yang mulia dan menuju redha Illahi.

3.2 Sewaktu zaman kegemilangan Islam, telah banyak kecemerlangan dalam kesenian telah dicapai kepada sesebuah kerajaan yang memerintah.

3.3 Telah lahir ramai tokoh kesenian yang penting dan terkenal dalam Islam seperti Abu Tamam, Mutannabi, dll.

3.4 Sementara itu dalam zaman moden, terdapat tokoh-tokoh seni Islam yang terkenal dalam pelbagai bidang seni seperti Syed Qutb, Iqbal dll.